

## **KE ARAH PENUBUHAN BADAN PEGUAM SYARIE MALAYSIA<sup>1</sup>**

**Zulkifli Hasan, Ph.D**  
**Fakulti Syariah dan Undang-undang**  
**Universiti Sains Islam Malaysia**  
[www.zulkiflihasan.com](http://www.zulkiflihasan.com)

**Hasnizam Hashim, Ph.D**  
**Fakulti Syariah dan Undang-undang**  
**Universiti Sains Islam Malaysia**  
[hasnizam@usim.edu.my](mailto:hasnizam@usim.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Sehingga hari ini, idea penubuhan Badan Peguam Syariah Malaysia masih belum dapat direalisasikan. Walaupun telah ada usaha awal ke arah penubuhannya sama ada dari pihak kerajaan mahupun pengamal undang-undang Syariah, namun ia masih diperingkat idea dan masih memerlukan usaha berterusan secara serius ke arah penubuhannya. Kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menubuhkan Jawatankuasa Memperkasakan Mahkamah Syariah yang bertujuan memperkasakan sistem perundangan Syariah secara holistik dan sebahagian daripada Jawatankuasa ini ditubuhkan Kluster Hal Ehwal Peguam Syariah bagi mengkaji dan menambahbaik aspek amalan guaman Syariah di Malaysia. JAKIM juga menerusi Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil telah melaksanakan usaha ke arah penyelarasan undang-undang termasuk berkaitan guaman Syariah. Umumnya, memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat isu-isu dan persoalan perundangan bagi menubuhkan Badan Peguam Syariah. Sorotan literatur menunjukkan bahawa sudah terdapat beberapa kajian mahupun penulisan mengenai isu-isu perundangan berbangkit mengenai Badan Peguam Syariah ini. Namun, setakat pengetahuan penulis, belum ada kajian ataupun penulisan yang benar-benar memfokuskan kepada bentuk atau model Badan Peguam Syariah yang ingin ditubuhkan. Mengambil kira perkara ini, artikel ini akan cuba mengupas beberapa aspek penting ke arah penubuhan Badan Peguam Syariah dari sudut konsep, peranan, model, isu-isu berbangkit, cabaran, justifikasi, ciri-ciri badan profesional dan governan. Penulis akan memfokuskan perbincangan kepada perkara yang disebutkan ini disamping menyentuh secara umum aspek perundangan memandangkan perbahasan dari sudut isu perlembagaan dan perundangan adalah sudah banyak dan telah dihuraikan dengan mendalam. Artikel ini juga akan membuat analisis terhadap amalan dan tadbir urus guaman Syariah sedia ada dan membuat rujukan kepada amalannya di beberapa negara sebagai perbandingan. Artikel ini merumuskan bahawa sudah sampai masanya usaha penubuhan Badan Peguam Syariah ini diberikan perhatian serius dan dapat direalisasikan dalam masa terdekat sebagai sebahagian daripada usaha memperkasakan sistem perundangan Syariah itu sendiri.*

*Kata kunci: Badan Peguam Syariah, tadbir urus, profesional dan syariah*

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan semasa Konvensyen Nasional Peguam Syariah 2017 bertempat di Hotel Grand Season bertarikh 10 November 2017.

## **PENDAHULUAN**

Peguam Syariah mempunyai tanggungjawab dan amanah bagi mewakili klien dalam perbicaraan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Mewakili seseorang atau pihak dalam menjalankan sesuatu urusan adalah perkara yang diharuskan oleh Syarak. Di dalam Surah al-Kahfi, ayat 19, Allah SWT merakamkan kisah seseorang yang mewakili orang lain bagi menjalankan urusan dan memikul amanah:

*“Dan demikianlah Kami bangunkan mereka agar mereka saling bertanya di antara mereka sendiri. Berkatalah salah seorang di antara mereka: “Sudah berapa lamakah kamu berada di sini?” Mereka menjawab: “Kita berada di sini sehari atau setengah hari” Berkata yang lain lagi: “Tuhanmu lebih mengetahui berapa lama kamu berada di sini. Maka suruhlah salah seorang di antaramu pergi ke kota dengan membawa wang perakmu ini, dan hendaklah dia lihat manakah makanan yang lebih suci, maka hendaklah dia membawa makanan itu untukmu, dan hendaklah ia berlaku lemah lembut dan janganlah sekali-kali menceritakan halmu kepada seorang pun.”*

Mewakili pihak-pihak yang bertikai juga telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW. Rasulullah SAW pernah melantik para sahabat untuk mewakili Baginda dalam urusan perkahwinan, mengutip zakat, jual beli, urusan pemerintahan dan sebagainya. Jabir bin Abdullah RA pernah berkata, “suatu ketika aku berhajat untuk keluar ke Khaibar, lalu aku pergi berjumpa Baginda Rasulullah S.A.W. Aku menceritakan tentang hajatku untuk ke Khaibar kepada Baginda. Mendengar demikian, Baginda SAW telah bersabda. “Jika kamu berjumpa wakilku, maka ambillah daripadanya lima belas gantang (gandum). Jika dia meminta daripadamu bukti (yang engkau adalah wakilku) maka letakkanlah tanganmu ke atas bahu sebagai bukti.”

Keharusan profesion peguam yang memainkan peranan penting dalam sistem keadilan ini disepakati secara ijmak (Farid Sufian Shuaib, et al. 2006). Dalam konteks hari ini, konsep yang digunakan oleh Peguam Syariah merujuk kepada *wakalah bil khusumah*. Di Malaysia, Peguam Syariah merupakan profesion yang semakin mendapat sambutan dan berkembang dengan cepat. Laporan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menyatakan bahawa terdapat seramai 2114 Peguam Syariah berdaftar pada tahun 2009 di mana Wilayah Persekutuan merekodkan seramai 262 dan Selangor, 204 (Amanda Whiting, 2012). Namun begitu angka ini tidak mewakili jumlah Peguam Syariah yang sebenarnya. Terdapat juga Peguam Syariah yang juga merupakan Peguambela dan Peguamcara dan mereka beramal di dua sistem mahkamah iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

Selaras dengan perkembangan sistem perundangan Syariah, amalan guaman Syariah di Malaysia juga memerlukan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Secara umumnya, kita dapat menyaksikan bahawa sudah terdapat usaha-usaha ke arah penambahbaikan amalan guaman Syariah di Malaysia menerusi penggubalan undang-undang dan peraturan termasuk perintah amalan. Kerajaan menerusi JAKIM telah menubuhkan Jawatankuasa Memperkasakan Mahkamah Syariah yang bertujuan memperkasakan sistem perundangan Syariah secara holistik dan sebahagian daripada Jawatankuasa ini ditubuhkan Kluster Hal Ehwal Peguam Syariah bagi mengkaji dan menambahbaik aspek amalan guaman Syariah di Malaysia. JAKIM juga menerusi Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil telah melaksanakan usaha ke arah penyelarasan undang-undang termasuk berkaitan guaman Syariah.

Di antara usaha ke arah penambahbaikan amalan guaman Syarie di Malaysia, ialah cadangan ke arah penubuhan Badan Peguam Syarie (BPS). Cadangan ini walaubagaimanapun masih belum dapat direalisasikan dan terus hangat diperbincangkan. Mengambil kira perkara ini, bahagian seterusnya dalam artikel ini akan mengupas beberapa aspek penting ke arah penubuhan Badan Peguam Syarie dari sudut amalan guaman Syarie sedia ada, konsep, peranan, model, isu-isu berbangkit, cabaran, justifikasi, ciri-ciri badan profesional dan governan. Penulis juga akan membuat analisis terhadap amalan dan tadbir urus guaman Syarie sedia ada dan membuat rujukan kepada amalannya di beberapa negara sebagai perbandingan.

## **SOROTAN LITERATUR**

Idea penubuhan BPS bukanlah merupakan suatu perkara baru. Idea ini telah disuarakan oleh banyak pihak terutamanya daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan perundangan Syariah di Malaysia sejak sekian lama. Bahkan, idea penubuhan BPS ini pernah mendapat perhatian pimpinan negara dan ia seakan dapat direalisasikan. YAB Perdana Menteri Malaysia menyebut dengan jelas sokongan kerajaan dalam merealisasikan BPS dan akan menyegerakan satu akta khusus mengenai Peguam Syarie akan digubal (Mohd Khuzairi I Ismail, 2011). Mantan Ketua Hakim Syarie, Tan Sri Syeikh Ghazali Abdul Rahman telah menyatakan bahawa kerajaan telah lama menyedari keperluan menubuhkan BPS sama seperti Bar Malaysia bagi mengawal selia Peguam Syarie (Utusan Malaysia, 2003). Dalam pada itu, sudah terdapat beberapa kajian, makalah dan penulisan mengenai BPS khususnya dari aspek perundangan dan kerangka perlembagaan.

Musa Awang, (2017) dalam kertas kerja bertajuk *Peguam Syarie Di Malaysia: Realiti Semasa dan Prospek Ke Arah Penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie*, menganalisis perbezaan yang terdapat dalam statut berkaitan pentadbiran Peguam Syarie di empat belas buah negeri. Beliau mencadangkan agar menggubal Akta Profesion Peguam Syarie (APGS) yang akan memberikan kuasa kepada penubuhan BPS dan akan menyeragamkan pentadbiran Peguam Syarie di peringkat persekutuan seperti peguam sivil.

Mohd Isa Abdul Ralip, (2014) menerusi artikel bertajuk *Peguam Syarie: Pengamalan di Malaysia* mengupas tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pentadbiran Peguam Syarie di Malaysia. Kelemahan-kelemahan yang wujud disebabkan perbezaan pentadbiran antara negeri-negeri dalam memperuntukkan undang-undang dan kaedah-kaedah yang berkaitan Peguam Syarie. Beliau mencadangkan agar digubal satu undang-undang di peringkat persekutuan yang khusus untuk profesion Peguam Syarie iaitu Akta Profesion Guaman Syarie (APGS) bagi mewujudkan BPS yang akan menyelia Peguam Syarie sepenuhnya.

Md Zawawi Abu Bakar, (2013) dalam makalah beliau *Isu-Isu Peguam Syarie di Malaysia* memberikan pandangan terhadap peningkatan amalan undang-undang Syariah di Mahkamah Syariah dan mengutarakan isu-isu kritis berkenaan hukum Syariah kontemporari. Beliau membahaskan tentang ketidakseragaman peruntukan undang-undang dan peraturan berkaitan Peguam Syarie. Beliau turut menambah satu lagi masalah yang timbul iaitu pentauliah yang mengambil masa yang lama untuk mendapat kelulusan. Kelewatan mendapat pentauliah menyebabkan individu yang memohon menjadi Peguam Syarie tidak dapat mewakili anak guam di Mahkamah Syariah. Beliau turut mencadangkan agar Peguam Syarie diurus tadbir oleh sebuah badan profesional iaitu BPS.

Abdul Monir Yaacob, (2015) dalam buku beliau bertajuk *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah* menyatakan perbandingan pentadbiran Peguam Syarie antara negeri-negeri

adalah berbeza. Beliau juga menyarankan agar dibentuk satu undang-undang yang diterima pakai oleh semua negeri bagi menjalankan pentadbiran berkeajaan dengan aspek guaman Syarie di negeri-negeri. Beliau turut mencadangkan agar ditubuhkan satu badan yang mengawal selia Peguam Syarie di seluruh Malaysia.

Amanda Whiting, (2012) menerusi kajiannya bertajuk *The Training, Appointment, And Supervision of Islamic Lawyers In The Federal Territories of Malaysia* meneliti beberapa aspek guaman Syarie di Malaysia. Beliau mengkaji amalan guaman Syarie dari sudut latihan, pelantikan dan pengawalan Peguam Syarie di Wilayah Persekutuan dengan perbandingan dengan beberapa buah negeri. Kajian yang dijalankan pada 2010 ini mendapati bahawa terdapat ketidakseragaman dan isu-isu pentadbiran berkenaan dengan amalan guaman Syarie di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Artikel ini juga mengulas mengenai kod etika Peguam Syarie yang dilihat sebagai satu perkembangan yang baik namun mempunyai beberapa kelemahan berbanding Kaedah-kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etik) 1978 yang dikuatkuasakan oleh Majlis Peguam Malaysia.

Jasri Jamal, (2005) menulis mengenai *Perlantikan dan Etika Peguam Syarie dan Kaedah Perundangan Bidangk uasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Beliau membincangkan aspek perlantikan dan etika Peguam Syarie dari sudut *fiqh* dan undang-undang. Dengan isu yang berbangkit mengenai amalan guaman Syarie seperti etika dan disiplin Peguam Syarie terutamanya, beliau juga bersetuju dengan usaha ke arah mewujudkan BPS.

Mohamed Azam Mohamed Adil, (1996) menulis mengenai *Peguam Syarie, Masa Depan dan Cabaran di Malaysia*. Beliau menelusuri sejarah dan asas profesion Peguam Syarie sejak dari zaman Rasulullah saw, para sahabat, zaman khalifah sehingga hari ini secara umum termasuk sejarah bermulanya amalan guaman model di barat yang di dunia Islam. Artikel ini merumuskan bahawa profesion Peguam Syarie bukanlah sesuatu yang baru dan telahpun dipraktikkan sejak zaman awal Islam lagi walaupun dalam bentuk yang tidak rasmi seperti yang ada pada hari ini. Ahmad Ibrahim dan Mahmud Saedon, (1993) juga menulis topik yang hampir sama bertajuk '*Judges and Laywers under the Shari'ah*'.

Mohd Naim Mokhtar dan Noor Inayah Yaakub, (1999) dalam artikel bertajuk '*Syarie Lawyers in Malaysia: Now and the Future*' membincangkan peranan Peguam Syarie dan isu-isu berbangkit mengenainya. Penulis artikel ini juga mencadangkan agar ditubuhkan sebuah badan profesional Peguam Syarie dan mewujudkan Lembaga Kelayakan Peguam Syarie. BPS ini sangat penting untuk memainkan peranan meningkatkan kualiti dan *standard profesion* Peguam Syarie dan dalam masa yang sama boleh menyediakan khidmat guaman yang lebih efisien kepada masyarakat.

Muhammad Haji Burok, (2007) dalam buku *Amalan Guaman dan Kehakiman Syarie* terbitan USIM menerusi artikel bertajuk *Isu dan Permasalahan Guaman Syarie Ke Arah Penubuhan Majlis Peguam Syarie* menggariskan tujuan penubuhan BPS di Malaysia dan membincangkan isu dan permasalahan yang timbul pada masa kini disebabkan tiada satu badan profesional yang mengurus selia Peguam Syarie di seluruh Malaysia. Umumnya, beliau berpandangan terdapat dua pendekatan awal bagi memperkukuhkan Amalan Guaman Syarie iaitu sama ada Menubuhkan Majlis Peguam Syarie menerusi APGS ataupun Peguam Syarie diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara menerusi pindaan Akta Profesion Undang-undang 1976.

Sorotan literatur keseluruhannya seakan menunjukkan keperluan kepada penubuhan sebuah badan profesional bagi Peguam Syarie. Ini bagi memastikan Peguam Syarie ditadbir urus dan dikawal selia oleh sebuah badan profesional yang berautoriti menerusi akta khusus. Idea penubuhan BPS ini secara umumnya boleh dilaksanakan menerusi dua pendekatan iaitu menerusi penggubalan akta khusus profesion guaman Syarie atau hanya pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 (Akta 166). Kedua-dua pendekatan ini membolehkan Peguam Syarie ini ditadbir urus dan dikawal oleh badan khusus yang mempunyai kuasa dari sudut undang-undang.

Pendekatan pertama melibatkan semua hal ehwal berkaitan dengan Guaman Syarie perlu dirangkumkan di dalam APGS. Ia merangkumi aspek penggubalan undang-undang kecil dan peraturan bagi menggabung dan menyeragamkan kesemua undang-undang berkaitan Peguam Syarie yang ada di setiap negeri di dalam Enakmen atau Akta Pentadiran Undang-Undang Islam dan juga Kaedah-kaedah Peguam Syarie negeri masing-masing. APGS juga perlu mengikut jejak langkah Akta Profesion Undang-undang 1976 yang akan mengawal selia Peguam Syarie dengan peruntukan undang-undang seragam bagi perlantikan Peguam Syarie untuk memudahkan mereka beramal di seluruh Mahkamah Syariah di setiap negeri-negeri di Malaysia.

Pendekatan kedua adalah setiap pengamal guaman Syarie perlu diberi pengiktirafan sebagai Peguam Syarie dan peguam bela dan peguam cara. Baharuddeen Abu Bakar, (1995) mencadangkan untuk Peguam Syarie diterima sebagai ahli '*associate*' oleh Majlis Peguam. Hal ini dipersetujui juga oleh Mohamed Azam Mohamed Adil, (1996) apabila beliau mencadangkan Peguam Syarie lulusan Syariah diberikan kebenaran untuk berkhidmat di firma guaman sivil dan beramal di Mahkamah Sivil. Untuk mencapai matlamat ini, pindaan perlu dibuat kepada Akta Profesion Undang-Undang 1976, di mana di wujudkan satu bab di dalam Akta tersebut khusus untuk hal-hal Peguam Syarie<sup>2</sup>. Namun begitu, pendekatan kedua ini adalah tidak popular kerana ia bakal menimbulkan isu-isu yang lebih rumit dan pastinya agak sukar dilaksanakan apabila ia melibatkan isu perlembagaan dan pihak lain iaitu peguambela dan peguamcara bukan Muslim dan sebagainya.

Literatur di atas juga memperlihatkan bahawa idea penubuhan BPS sememangnya seakan disepakati oleh ramai pihak berdasarkan kepada keperluannya yang begitu penting kepada profesion Peguam Syarie. Apa yang menjadi persoalan ialah pendekatan untuk menubuhkan BPS ini mengambil kira kerangka perundangan yang ada termasuk isu perlembagaan yang membabitkan kuasa persekutuan dan negeri. Sehingga kini, perbincangan mengenai BPS ini terus hangat diperbincangkan.

Literatur juga mengesahkan bahawa sudah terdapat wacana mengenai penubuhan BPS ini dan ia diperbincangkan dari pelbagai sudut. Namun, setakat pengetahuan penulis, belum ada kajian ataupun penulisan yang benar-benar memfokuskan kepada bentuk atau model BPS yang ingin ditubuhkan. Oleh itu, perlu juga ada penulisan yang mengupas beberapa aspek penting ke arah penubuhan BPS dari sudut konsep, peranan, model, isu-isu berbangkit, cabaran, justifikasi, ciri-ciri badan profesional dan governan. Analisis terhadap amalan dan tadbir urus

---

<sup>2</sup> Di Singapura, seksyen 39 Akta Pentadbiran Undang-undang Muslim Singapura 1966 membenarkan peguambela dan peguamcara beramal di Mahkamah Syariah. Peguam-peguam yang beramal di Mahkamah Syariah ini dikawal selia oleh Persatuan Undang-Undang Singapura.

guaman Syarie sedia ada perlu juga dibuat di samping membuat rujukan kepada amalan di beberapa negara sebagai perbandingan.

## **AMALAN GUAMAN SYARIE DAN TADBIR URUS SEDIA ADA**

Umumnya, tidak terdapat catatan atau penulisan yang komprehensif mengenai sejarah wujudnya amalan guaman Syarie. Namun, beberapa kes yang dilaporkan seakan menunjukkan bahawa profesion guaman Syarie ini telah mula ada hatta sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. Kes *Ramah v Laton* (1927) 6 FMSLR 128 misalnya membuktikan bahawa undang-undang Syariah telah diiktiraf sebagai '*law of the land*' sekali gus menunjukkan amalan guaman Syarie itu telah mula wujud walaupun bukan dalam bentuk yang rasmi atau tersusun seperti hari ini. Dalam konteks hari ini, amalan guaman Syarie di Malaysia masih bersifat kenegerian iaitu ia bergantung kepada tadbir urus dan governan berdasarkan enakmen dan peraturan negeri-negeri. Masih tidak terdapat badan berpusat atau satu badan profesional yang mengawal dan mentadbir Peguam Syarie di Malaysia. Ini menimbulkan beberapa isu berbangkit yang sehingga hari ini masih perlu diselesaikan.

### **Undang-undang Berkaitan Peguam Syarie Negeri-negeri**

Umumnya, peruntukan berkaitan Peguam Syarie terletak di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Enakmen Mahkamah Syariah. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri memperuntukkan kuasa kepada Majlis untuk membuat peraturan bagi tatacara, kelayakan dan fi bagi penerimaan masuk Peguam Syarie dan bagi mengawal selia, mengawal dan menyelia kelakuan Peguam Syarie.

Hampir kesemua negeri di Malaysia sudah mempunyai Kaedah-kaedah Peguam Syarie masing-masing. Hanya negeri Sabah sahaja yang belum mempunyai undang-undang kecil berkaitan Peguam Syarie. Namun begitu, rujukan umum kepada Peguam Syarie terdapat dalam Seksyen 32, Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004. Berikut ialah senarai Enakmen dan Akta berserta Kaedah-kaedah Peguam Syarie negeri-negeri yang terkini.

Jadual 1: Enakmen dan Akta Pentadbiran Agama Islam dan Kaedah-kaedah Peguam Syarie Negeri-negeri

<b>Enakmen/Akta</b>	<b>Seksyen</b>	<b>Kaedah-Kaedah Peguam Syarie</b>
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Johor), 2015.
Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008.	46	Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah), 2016.
Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) 1982.	18	Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Kelantan), 2000.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002.	68	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Melaka), 1989.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan), 2012.
Enakmen Undang-Undang	66	Peraturan-Peraturan Peguam Syariah (Pahang)

Islam (Pahang) 1991.		1995.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan 2009).	69	Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Perak), 2003.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Perlis), 1995
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Pulau Pinang), 1997.
Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004	32	-
Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001.	28	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Sarawak), 1992.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Selangor), 2008.
Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001	57	Kaedah-Kaedah Peguam Syar'i (Terengganu), 2015.
Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.	59	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Wilayah Persekutuan), 1993

Tadbir urus Peguam Syarie juga diselia oleh Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri-Negeri. Ini termasuk hal ehwal disiplin dan etika Peguam Syarie. Kaedah-kaedah Peguam Syarie Negeri-Negeri mempunyai persamaan dan perbezaan daripada beberapa sudut. Ada Jawatankuasa Peguam Syarie yang meletakkan Penasihat Undang-undang Negeri sebagai Pengerusi dan ada juga Ketua Hakim Syarie, termasuk YDP Majlis dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Keahlian tetap, setiausaha, ahli yang dilantik, jumlah ahli dan elaun juga terdapat perbezaan. Ini adalah realiti yang ada bagi Peguam Syarie di seluruh Malaysia di mana mereka adalah tertakluk di bawah Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri-Negeri. Berikut ialah ringkasan struktur Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri-Negeri sebagai gambaran kepada tadbir urus Peguam Syarie sedia ada.

Jadual 2: Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri-Negeri

J/Kuasa	Pengerusi	Ahli Tetap	Ahli dilantik	Tempoh lantikan	Setiausaha	Elaun	Jumlah Ahli
J/kuasa Peguam Syarie Johor	Penasihat Undang-Undang Negeri	Ketua Pegawai Eksekutif MAIJ Mufti atau wakil Ketua Hakim Syarie Ketua Pendakwa Syarie	Wakil PGSM Johor	3 tahun	Ketua Penolong Pengarah UU Syariah	✓	6
J/kuasa Peguam Syarie Kedah	Ketua Hakim Syarie	Penasihat Undang-Undang Negeri Setiausaha Majlis Ketua Pendaftar JKSN Ketua Pendakwa Syarie	1 wakil Peguam Syarie 1 yang arif Hukum Syarak	3 tahun	Ketua Penolong Pengarah (UUKI)	✓	7
J/kuasa Kelayakan & Tata tertib Kelantan	Ketua Hakim Syarie	Pendakwa Syarie	3 orang dilantik Sultan	2 tahun	Ketua Pendaftar	✓	5
Melaka	X	X	X	X	X	X	X
J/kuasa Peguam Syarie Negeri Sembilan	Ketua Hakim Syarie	Penasihat Undang-Undang Negeri/wakil Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Hakim Kanan MTS Ketua Pendakwa Syarie	Wakil Peguam Syarie 1 Mahir Hukum Syarak	3 tahun	Ketua Pendaftar	✓	7
J/Kuasa Peguam Syarie Pahang	Pengerusi	Penasihat Undang-Undang Negeri Ketua Pendakwa Syarie	2 orang dilantik Majlis	3 tahun	S/usaha Majlis	✓	5
J/kuasa Penerimaan Peguam Syarie Perak	Ketua Hakim Syarie	Mufti atau wakil Penasihat Undang-undang Negeri atau wakil Ketua Bahagian Undang-undang Syariah, JAIP	Seorang Peguam Syarie atas syor Ketua Hakim Syarie	2 tahun	Ketua Pendaftar	✓	5
J/kuasa Peguam Syarie Perlis	Pengerusi dilantik Majlis	Pendakwa Syarie	Seorang wakil Peguam Syarie 2 Ahli Majlis	3 tahun	Pendaftar MTS	✓	5



			mahir Hukum Sarak				
J/kuasa Peguam Syarie Pulau Pinang	Ahli Majlis	Ketua Pendakwa Syarie Penasihat Undang2 Negeri/wakil	2 orang mahir Hukum Sarak	3 tahun	Ketua Pendaftar	✓	5
J/kuasa Peguam Syarie Sarawak	Hakim MTS	Ketua Pendakwa Syarie Pendaftar MTS	Seorang Peguam Syarie yang dilantik oleh KHS 2 ahli mahir Hukum Sarak	3 tahun	Dilantik dari kalangan ahli-ahli	✓	6
J/kuasa Peguam Syarie Selangor	Ketua Hakim Syarie	Penasihat Undang- Undang Negeri/wakil Seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM Seorang Hakim Kanan MTS Ketua Pendakwa Syarie	Seorang Peguam Syarie 1 mahir Hukum Sarak	3 tahun	Ketua Pendaftar	✓	7
J/kuasa Khas Panel Peguam Syarie Terengganu	YDP Majlis	Penasihat Undang- Undang Negeri/ wakil Mufti Ketua Hakim Syarie Ketua Pendakwa Syarie		Tiada tempoh	Pesuruh- jaya HEA	✓	6
J/kuasa Peguam Syarie Wilayah Persekutuan	Ketua Hakim Syarie	Peguam Negara/ wakil Ketua Pendakwa Syarie	2 orang dilantik oleh Majlis	3 tahun	Pendaftar MTS	✓	5

Sumber : Kaedah-kaedah Peguam Syarie di Negeri-Negeri<sup>3</sup>

<sup>3</sup> Ringkasan ini disediakan oleh Musa Awang, (2017) dalam kertas kerjanya bertajuk *Peguam Syarie di Malaysia: Realiti Semasa & Prospek Ke Arah Penggubalan Profesion Peguam Syarie*.

## **Badan Berkaitan Peguam Syariah**

Bagi peguambela dan peguamcara, Bar Malaysia adalah badan profesional yang mengawal selia semua Peguambela dan Peguamcara di Semenanjung Malaysia berdasarkan Akta Profesion Undang-Undang 1976. Bar Malaysia adalah mempunyai kuasa dari sudut undang-undang ke atas semua peguam sivil yang beramal di semenanjung Malaysia. Di Sabah dan Sarawak, peguam sivil tertakluk pada undang-undang sendiri. Peguam Sabah ditadbir oleh Persatuan Undang-Undang Sabah berdasarkan peruntukan undang-undang Ordinan Peguambela Sabah<sup>4</sup> dan Peguam Sarawak ditadbir oleh Ordinan Peguambela Sarawak<sup>5</sup>. Fungsinya sama seperti Akta Profesion Guaman 1976 yang menyelia peguam di Semenanjung Malaysia. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan nisbah peguam per penduduk di Malaysia pada 2017 adalah rendah iaitu 1:1606. Nisbah ini adalah masih rendah berbanding dengan di Amerika Syarikat yang merekodkan nisbah 1: 250 dan United Kingdom 1: 500.

Peraturan dan kaedah yang dikeluarkan oleh Bar Malaysia tidak terpakai kepada peguam Syariah yang bukan peguambela dan peguamcara. Bar Malaysia ini hanya mentadbir peguam yang beramal dengan undang-undang sivil. Walau bagaimanapun, Bar Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Syariah bagi meneliti dan memantau perkembangan sistem perundangan Syariah di Malaysia. Jawatankuasa Syariah Bar Malaysia memainkan peranan meneliti dan mengkaji pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

Selain Bar Malaysia, terdapat juga entiti lain yang ditubuhkan bersifat organisasi bukan kerajaan atau masyarakat sivil iaitu Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM). Di beberapa negara maju, selain mempunyai Badan Peguam sebagai badan profesional yang mengawal selia terdapat juga badan bukan kerajaan dalam bentuk pertubuhan atau masyarakat sivil yang berperanan aktif memberikan sumbangan kepada masyarakat umum. Penulis sendiri pernah aktif bersama *Muslim Bar Association of New York* dan *American Muslim Lawyers Association* ketika bercuti sabatikal di New York pada 2014. *New York Bar* merupakan badan profesional yang mengawal selia peguam-peguam di New York.

PPMM telah ditubuhkan pada 1980 dengan Presiden pertama iaitu Zaid Ibrahim yang bertujuan untuk mengumpulkan Peguambela dan Peguamcara yang memahami undang-undang sivil dan Syariah. Walau bagaimanapun, PPMM di bawah kepimpinan baru mempunyai hala tuju dan pendekatan yang berbeza dengan Presiden pertama PPMM. PPMM tidak mempunyai ahli seramai PGSM. Direkodkan pada 2009 hanya lebih kurang 200 ahli berdaftar dengan PPMM. Berbanding PGSM, PPMM juga tidak mempunyai cawangan di negeri-negeri.

Walaupun tidak terdapat satu badan profesional khas yang mengawal dan mentadbir Peguam Syariah setakat ini, inisiatif bersifat pro-aktif oleh Peguam Syariah ke arah menubuhkan BPS diusahakan oleh Persatuan Peguam Syariah Malaysia (PGSM). Objektif penubuhan PGSM juga secara khusus meletakkan idea mewujudkan undang-undang di peringkat persekutuan iaitu APGS bagi menubuhkan BPS. Sejak penubuhannya PGSM terus melaksanakan usaha-usaha bagi merealisasikan hasrat dan aspirasi ini.

PGSM ditubuhkan pada 2001 dan didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan dengan tujuan ke arah penubuhan Badan Peguam Syariah Malaysia. PGSM meletakkan visinya secara khusus ke arah usaha menggubal Akta Profesion Guaman Syariah (APGS) di samping

---

<sup>4</sup> <https://www.sabahbar.org.my/default.aspx>

<sup>5</sup> <http://www.sag.sarawak.gov.my/modules/web/index.php>

meningkatkan kualiti Peguam Syariah menerusi latihan dan pendidikan termasuk memastikan kebajikan mereka. PGSM sebagai sebuah pertubuhan yang menaungi Peguam Syariah terlibat secara langsung dengan pihak yang terlibat di dalam undang-undang Syariah seperti Mahkamah Syariah, JKSM, Majlis Agama Islam Negeri dan sebagainya. PGSM juga terlibat secara langsung dalam Jawatankuasa Arahan Amalan JKSM. PGSM sangat aktif mengadakan program-program berterusan yang bertujuan memberi pendedahan, latihan, advokasi skil kepada Peguam Syariah yang beramal.

Di awal penubuhannya sehingga 2015, PGSM tidak mempunyai cawangan. Pada 2015 setelah pindaan di buat, PGSM kini mempunyai Sembilan cawangan di negeri-negeri. Pimpinan PGSM terdiri daripada 22 Jawatankuasa Peringkat Pusat iaitu Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Lapan Jawatankuasa dan Sembilan Pengerusi PGSM Negeri. Jawatankuasa terdiri daripada Jawatankuasa Penyelidikan dan Undang-undang, Sukan dan Rekreasi, Kebajikan dan Hel Ehwat Wanita, Keahlian, Aduan dan Disiplin, Hubungan Negeri, Mahkamah dan NGO, Ekonomi dan Tajaan, Peguam Muda dan Latihan, Penerbitan dan ICT. Setiap cawangan PGSM akan dipimpin oleh Pengerusi PGSM negeri.

Jadual 3: Bilangan Ahli PGSM Setakat 2017

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Ahli</b>
Johor	71
Selangor	66
Wilayah Persekutuan	53
Negeri Sembilan	49
Melaka	35
Pulau Pinang	30
Kedah	20
Perak	20
Perlis	12
Jumlah	356

Sumber: PGSM, 2017.

Kelantan, Terengganu dan Pahang mempunyai Persatuan Peguam Syariah Negeri dan tidak bernaung di bawah PGSM. Sabah dan Sarawak tidak mempunyai persatuan Peguam Syariah meskipun bernaung di bawah PGSM. Bilangan Peguam Syariah yang berdaftar dengan PGSM tidak mewakili bilangan sebenar Peguam Syariah yang beramal. Ini kerana masih terdapat ramai yang tidak mendaftar dengan PGSM dan terdapat juga Peguam Syariah yang juga merupakan Peguambela dan Peguamcara yang berdaftar dengan Majlis Peguam.

### **Usaha-usaha ke arah Penubuhan Badan Peguam Syariah<sup>6</sup>**

Usaha-usaha ke arah penyelarasan amalan guaman Syariah bukanlah sesuatu yang baru. Sudah

<sup>6</sup> Maklumat ini sebahagian besarnya diperolehi menerusi temubual bersama Musa Awang, Presiden PGSM, Mohd Azlin Mohd Razali, exco PGSM dan Dr Arik Sanusi Yeop Johari, Ketua Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara.

terdapat perbincangan mengenai cadangan transformasi penyelarasan dari segi penerimaan masuk sebagai peguam syarie di dalam mesyuarat Hakim-hakim Mahkamah Syariah di Kuching pada 17-18hb Ogos 1991 (Arifin Zakaria, 2011). Ini bermakna, sejak dari awal lagi pihak berkenaan dengan undang-undang Syariah seperti Mahkamah Syariah telah mengakui keperluan kepada penyelarasan amalan guaman Syariah di Malaysia.

PGSM antara yang paling terkehadapan mengenai idea penubuhan BPS dan penggubalan APGS. Dalam erti kata lain, PGSM berhasrat untuk mewujudkan sebuah badan professional bagi memantau, mengawal dan meningkatkan profesionalisme Peguam Syariah di Malaysia. Ini juga adalah penting bagi maksud penyelarasan amalan guaman Syariah yang dilihat pada hari ini adalah berbeza dan mempunyai permasalahan dan isu yang tersendiri.

PGSM telah memulakan perbincangan awal bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Peguam Negara serta wakil Negeri dan lain-lain untuk menubuhkan BPS menerusi APGS. Setelah merujuk kepada kerangka perlembagaan dan mendapatkan pandangan pakar undang-undang, dalam mesyuarat pada 4 Mac 2010 di JAKIM, PGSM telah memberikan cadangan supaya menjadikan APGS adalah terpakai di seluruh Malaysia.

Oleh kerana halangan dan isu utama bagi mewujudkan APGS ialah mengenai bidang kuasa antara Persekutuan dan Negeri, PGSM telah mencadangkan untuk menggunakan peruntukan Perkara 76 (1) Perlembagaan Persekutuan iaitu kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang bagi Negeri-Negeri dalam hal-hal tertentu. Menerusi idea ini, PGSM telah memulakan usaha untuk mengguna pakai peruntukan Perkara 76 (1) Perlembagaan di mana Dewan Undangan Negeri membuat satu permintaan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membuat satu undang-undang yang seragam di seluruh Malaysia berkenaan guaman Syariah.

Idea penubuhan BPS ini mendapat reaksi positif YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Pada 1 Julai 2011, semasa ucapan merasmikan Persidangan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia kali ke-13 dan Konvensyen Peguam Syariah kali ke-2 di Hotel Grand Season Kuala Lumpur, YAB Perdana Menteri mengakui keperluan mewujudkan APGS sepertimana Akta Profesion Undang-undang 1976, dan menyebut bahawa penggubalan akta ini akan diusahakan oleh kerajaan. Ini memberikan satu petanda baik di mana kerajaan telah memberikan maklum balas positif kepada idea penubuhan BPS ini.

Pada 27 Julai 2011, satu mesyuarat bersama Peguam Negara, Jawatankuasa Syariah Majlis Peguam dan PGSM telah diadakan. Peguam Negara secara dasarnya bersetuju dengan idea ini dan telah meminta PGSM sebagai sebuah gerakan bukan kerajaan yang menaungi semua Peguam Syariah mendapatkan mandat Peguam Syariah untuk Peguam Negara menyetujui penggubalan APGS tersebut.

Sehubungan dengan itu, PGSM telah menubuhkan satu Jawatankuasa bertindak di peringkat PGSM untuk mengkaji dan seterusnya menyediakan draf APGS. PGSM kemudiannya telah mengadakan beberapa bengkel bagi membincangkan kertas konsep dan draf awal APGS. PGSM juga telah memulakan usaha untuk mendapatkan mandat dari majoriti Peguam Syariah yang bersetuju suatu Akta di peringkat Persekutuan diwujudkan. Ini dilakukan menerusi usaha berterusan di peringkat persekutuan dan negeri-negeri.

Pada Februari hingga Mac 2012, PGSM telah berjaya mendapatkan mandat Peguam Syariah menerusi pengumpulan tandatangan. Umumnya, majoriti Peguam Syariah bersetuju supaya diwujudkan satu undang-undang berkaitan profesion guaman syarie di peringkat

Persekutuan, serta bersetuju memberikan mandat serta tanggungjawab kepada PGSM untuk menjalankan usaha-usaha ke arah merealisasikan Akta tersebut sehingga berjaya.

Setelah itu, PGSM juga mendapat sokongan yang amat baik JAKIM dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom. Kerjasama antara PGSM dan JAKIM bagi tujuan usaha ke arah ini adalah amat baik. Bengkel Draft Akta Profesion Guaman Syarie telah diadakan pada 21-23 Mac 2012, bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor. Seramai 75 orang wakil-wakil Peguam Syarie dari seluruh Negara telah berbincang dan berdialog mengenai idea BPS dan APGS ini.

PGSM meneruskan usaha ini menerusi mesyuarat dan perbincangan telah diadakan dari semasa ke semasa untuk menyediakan draf Kertas Konsep dan draf APGS tersebut. Setelah perbincangan dan kajian yang dijalankan, satu draf APGS telah berjaya disiapkan. Draft ini secara dasarnya mengambil model Akta Profesion Undang-undang 1976 sebagai rujukan dengan beberapa penambahbaikan dan pindaan. Pada Januari 2013, Kertas Konsep dan draf APGS telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk pandangan. PGSM juga berhasrat untuk mendapatkan maklum balas Jabatan Peguam Negara dari sudut undang-undang khususnya perlembagaan.

Jabatan Peguam Negara telah memberikan maklum balas terhadap draf APGS yang agak berbeza dengan pendekatan yang cuba dibawa oleh PGSM. Dalam masa yang sama, JAKIM menerusi Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil juga telah mengambil inisiatif menyediakan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie Wilayah Persekutuan. Rang Undang-undang ini telah dibentangkan di Persidangan Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil pada 24-26 Oktober 2017. Jawatankuasa ini mengambil pendekatan yang berbeza kerana mengambil kira kedudukan undang-undang secara keseluruhan termasuk kerangka Perlembagaan Persekutuan. Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa mewujudkan APGS di peringkat persekutuan mempunyai halangan besar perlembagaan. Jabatan Peguam Negara mencadangkan untuk menggubal Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie Wilayah Persekutuan sebagai model undang-undang guaman Syarie bagi negeri-negeri lain di Malaysia.

## **AMALAN GUAMAN DI NEGARA LAIN**

Sebelum menelusuri dan mengusulkan bentuk atau model BPS yang sesuai bagi Peguam Syarie di Malaysia, adalah bermanfaat untuk melihat amalan guaman dan praktisnya di beberapa negara Islam dan negara lain yang boleh dijadikan perbandingan. Ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai amalan guaman di negara-negara yang mempunyai latar belakang sistem perundangan yang sama dan berbeza. Dapatan awal menunjukkan bahawa, tidak terdapat satu badan profesional khusus yang mengawal Peguam Syarie di negara-negara yang dirujuk. Badan profesional bagi peguam adalah berbentuk umum dan tidak mengkhususkan kepada Peguam Syarie.

### **Arab Saudi**

Undang-undang utama di Arab Saudi adalah undang-undang Syariah yang bertunjangkan al-Quran dan sunnah<sup>7</sup>. Semua undang-undang yang berkaitan dengan Syariah dan muamalat dibicarakan di satu sistem mahkamah. Umumnya peguam di Arab Saudi bernaung di bawah

---

<sup>7</sup> Artikel 1 Undang-Undang Pentadbiran Asas Arab Saudi.

satu bumbung iaitu *Saudi Bar Association* atau Persatuan Peguam Saudi. Persatuan Peguam Saudi mempunyai autoriti untuk mengawal dan mengurus selia semua peguam di Arab Saudi.

Persatuan Peguam Saudi adalah badan profesional yang bertujuan meningkatkan amalan peguam. Ini dinyatakan secara khusus dalam objektif Persatuan Peguam Arab Saudi. *“The Saudi bar Association is a professional body aimed at raising lawyers’ practice. The Authority was established by the Saudi Council of Ministers Statement No. (317) dated 8/7/1436 H corresponding to 27/4/2015 approving the association of the Saudi Bar Association, which is the basis of commission’s work. The Authority aims to raise the level of practicing lawyers for their professions and ensure their good performance, and to increase their awareness of their professional duties”*.<sup>8</sup>

Persatuan Peguam Arab Saudi ini ditubuhkan menerusi Penyata Menteri-Menteri Majlis Saudi No. (317) bertarikh 8/7/1436H bersamaan 27/4/2015. Persatuan Peguam Saudi ini sebagai sebuah badan profesional yang mendapat mandat dari sudut undang-undang ditubuhkan bertujuan bagi meningkatkan tahap amalan guaman untuk profesion dan memastikan prestasi yang baik dan meningkatkan kesedaran tentang tugas profesional mereka<sup>9</sup>.

### **Brunei**

Brunei turut mengamalkan sistem undang-undang dualisme seperti Malaysia (Abdul Hamid Mohamed, 2014). Di Brunei turut mempunyai peguam sivil<sup>10</sup> dan peguam Syarie<sup>11</sup>. Kelayakan menjadi Peguam Syarie adalah sama seperti peguam di Malaysia iaitu seorang yang berkelulusan ijazah sarjana muda syariah, peguambela dan peguamcara, hakim syarie, pendakwa syarie atau seorang Islam yang memiliki diploma kehakiman<sup>12</sup>. Peguam Syarie di Brunei ditadbir sepenuhnya oleh Jawatankuasa Peguam Syarie Brunei berdasarkan peruntukan undang-undang dalam Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syarie) 2002). Setakat ini, masih belum ada badan profesional khusus yang mentadbir Peguam Syarie. Peguambela dan peguamcara Sivil di Brunei ditadbir oleh Akta Profesion Undang-undang 1983 Brunei.

### **Indonesia**

Di Indonesia, Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 18 Tahun 2003 Tentang Advokat merupakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek amalan guaman. Terdapat beberapa persatuan peguam yang menyelia peguam-peguam iaitu Ikatan Advokat Indonesia, Asosiasi Advokat Indonesia, Ikatan Penasihat Hukum, Indonesia, Asosiasi Konsultan Hukum Indonesia, dan Himpunan Konsultan Hukum Pasar Modal. Persatuan-persatuan ini berbidangkuasa untuk menyelia peguambela dan peguamcara. Dewan Pimpinan Nasional Asosiasi Pengacara Syariah Indonesia (APSI) merupakan badan profesional yang menyatukan seluruh peguamcara Syariah di Indonesia. APSI merupakan satu-satunya persatuan peguam yang menyelia Peguam Syarie di Indonesia<sup>13</sup>.

---

<sup>8</sup> <https://sba.gov.sa/en/overview/>

<sup>9</sup> <https://sba.gov.sa/en/>

<sup>10</sup> Bab 132 Akta Profesion Undang-undang 1983 Brunei.

<sup>11</sup> Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syarie), 2002. Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggagal 184).

<sup>12</sup> Seksyen 9 Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Peguam Syarie) 2002.

<sup>13</sup> Pasal 32 (3) Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 18 Tahun 2003 Tentang Advokat.

Melalui Peraturan Asosiasi Pengacara Syariah Indonesia Nomor 002 tahun 2016 tentang Penyelenggaraan Pendidikan dan Pelatihan Profesi Advokat dan Ujian Profesi Advokat, APSI akan menyediakan Pendidikan dan latihan profesional bagi Peguam Syariah. Pendidikan dan latihan ini sebagai syarat kelayakan untuk menjadi Peguam Syariah. Peguam Syariah perlu mempunyai Diploma Lanjutan dan latihan dalam kamar seperti di Malaysia<sup>14</sup>. APSI juga adalah pihak yang bertanggungjawab dalam menyediakan soalan perperiksaan dan menyelia urusan kemasukan individu-individu yang memohon menjadi peguam Syariah<sup>15</sup>.

### **Kuwait**

Persatuan Peguam Kuwait ditubuhkan pada tahun 1963 oleh Resolusi Menteri No.13 tahun 2007<sup>16</sup>. Bagaimanapun, Persatuan ini bukan sebagai badan profesional yang menyelia sepenuhnya peguam di Kuwait. Persatuan ini adalah badan bukan kerajaan dan tidak mempunyai kuasa-kuasa khusus yang mengikat seperti Bar Malaysia atau badan profesional yang lain.

Persatuan Peguam Kuwait adalah bersifat gerakan masyarakat sivil yang berfungsi menjaga kebajikan dan meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan peguam-peguam Kuwait<sup>17</sup>. Jawatankuasa Peguam sebenarnya yang berautoriti untuk menerima masuk serta mengawal selia peguam. Perlantikan peguam-peguam di Kuwait dilakukan oleh Jawatankuasa ini yang ditubuhkan berdasarkan peruntukan Undang-Undang Guaman Kuwait<sup>18</sup>. Selain perlantikan, jawatankuasa peguam Kuwait juga berkuasa untuk mengambil tindakan tatatertib bagi peguam yang melanggar etika kepeguaman<sup>19</sup>.

### **Singapura**

Singapura mengamalkan sistem perundangan dualisme iaitu Sivil dan Syariah dan memperuntukkan akta khas yang berkaitan undang-undang Islam iaitu Administration of Muslim Law Act 1966. Peguambela dan peguamcara boleh beramal di Mahkamah Syariah berdasarkan peruntukan seksyen 39 Akta Pentadbiran Undang-undang Muslim Singapura 1966<sup>20</sup>. Peguam-peguam dikawal selia oleh Persatuan Undang-Undang Singapura (*The Law Society of Singapore Part V*) berdasarkan Akta Profesion Undang-Undang 1966. Persatuan Undang-Undang Singapura (*The Law Society of Singapore*) mempunyai bidangkuasa sebagai badan profesional yang menyelia peguam di seluruh Singapura<sup>21</sup>. Badan profesional ini berkuasa untuk melantik individu-individu yang memohon menjadi peguam di Singapura, menjaga kebajikan peguam dan mengambil tindakan bagi kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh peguam<sup>22</sup>.

Setakat ini tiada badan profesional khusus di Singapura bagi mengawal selia Peguam Syariah. Semua peguam dikawal selia oleh the *Law Society of Singapore* berdasarkan Akta

---

<sup>14</sup> Pasal 1 Peraturan Asosiasi Pengacara Syariah Indonesia.

<sup>15</sup> Pasal 1 Peraturan Asosiasi Pengacara Syariah Indonesia.

<sup>16</sup> <http://www.kls.org.kw/>

<sup>17</sup> Perkara 3 Peraturan-Peraturan Asas Persatuan Peguam Kuwait.

<sup>18</sup> Perkara 3 Undang-Undang Peguam Kuwait.

<sup>19</sup> Perkara 5 Undang-Undang Peguam Kuwait.

<sup>20</sup> Section 39 of the Administration of Muslim Law Act Singapore 1966: Every party to any proceedings shall appear in person or by advocate and solicitor or by an agent, generally or specially authorised to do so by the Court.

<sup>21</sup> Seksyen 37 Akta Profesion Undang-Undang 1967.

<sup>22</sup> Seksyen 38 Akta Profesion Undang-Undang 1967.

Profesion Undang-undang 1966. Peguam di Singapura boleh beramal di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil Singapura. *The Law Society of Singapore* telah menubuhkan Jawatankuasa Amalan Undang-undang Muslim bagi mengkaji dan meneliti amalan guaman Syarie di Singapura. Jawatankuasa ini juga menganjurkan dialog-dialog dan perbincangan dengan tujuan bagi meningkatkan piawai amalan undang-undang Muslim di Singapura (Ahmad Nizam, 2012).

### **Jordan**

Sesuai dengan sistem undang-undang di Jordan, Persatuan Peguam Jordan adalah satu-satunya badan profesional yang mentadbir dan menyelia seluruh peguam di Jordan. Persatuan Peguam Jordan terdiri daripada satu lembaga khas yang dilantik daripada peguam dan wakil badan kehakiman yang menjadi panel perlantikan individu-individu yang memohon untuk menjadi peguam. Lembaga khas ini akan menetapkan peraturan dan menentukan kelayakan bagi peguam yang beramal di Jordan. Sebagai sebuah badan profesional, Persatuan Peguam Jordan diberi kuasa untuk menetapkan peraturan-peraturan peguam dan juga diberi kuasa untuk mengeluarkan sijil-sijil amalan kepada individu yang layak menjadi peguam di negara itu. Sebagai ahli Kesatuan Peguam Arab, Persatuan Peguam Jordan bekerja sama dengan Kesatuan dan Persatuan Peguam di dunia Arab untuk meningkatkan tahap profesion undang-undang mereka<sup>23</sup>.

### **Pakistan**

Pakistan juga hanya mempunyai sebuah badan profesional yang mengawal selia peguam yang beramal di Pakistan. Majlis Peguam Pakistan yang ditubuhkan di bawah *The Pakistan Legal Practitioners and Bar Council Rules 1976* adalah merupakan badan peguam tertinggi di Pakistan yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen. Majlis Peguam ini mempunyai kuasa bagi membuat peraturan dan kaedah-kaedah bagi mengawal selia peguam di Pakistan. Menerusi autoriti yang diberikan menerusi *The Pakistan Legal Practitioners and Bar Council Rules 1976*, Majlis Peguam Pakistan mendapat mandat dan kuasa untuk mengawal dan menyelia Majlis Peguam daerah serta mengawal kemasukan peguam ke profesion undang-undang. Antara fungsi Majlis Peguam adalah untuk menentukan kelayakan dan menerima masuk permohonan menjadi peguam di Pakistan. Sepertimana badan profesional yang lain, Majlis Peguam Pakistan juga berbidangkuasa mengambil tindakan tatatertib bagi peguam yang melanggar etika kepeguaman<sup>24</sup>.

### **BAR MALAYSIA**

Bagi memudahkan untuk memahami idea Badan Peguam Syarie adalah bermanfaat untuk merujuk kepada model dan bentuk yang diamalkan oleh Bar Malaysia di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 (Akta 166). Sistem kepeguaman sivil telah bermula sejak kemasukan Inggeris ke Tanah Melayu. Satu badan professional yang mengawal hal ehwal pengamal undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah ditubuhkan menerusi “Advocates and Solicitors Ordinance” 1914 (FMS No. 22.1914) (Arifin Zakaria, 2011). Pada hari ini, penguambela dan peguam cara adalah tertakluk kepada kepada Akta Profesyen Undang-undang 1976.

---

<sup>23</sup> <http://www.jba.org.jo/>

<sup>24</sup> [Pakistanbarcouncil.org](http://Pakistanbarcouncil.org)



Pentadbiran dan pengurusan serta pelaksanaan fungsi-fungsi Majlis Peguam yang ditubuhkan diperuntukkan di bawah seksyen 47-67 dan kuasa-kuasanya dinyatakan di dalam seksyen 56 dan 57. Bar Malaysia dan Majlis Peguam adalah merupakan dua istilah yang sering kali disalah fahami. Majlis Peguam adalah badan eksekutif yang menguruskan, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan fungsi-fungsi Bar Malaysia. Dalam erti kata lain, Majlis Peguam adalah sebahagian daripada Bar Malaysia. Bar Malaysia terdiri daripada Majlis Peguam, Jawatankuasa Bar Negeri dan peguambela dan peguamcara. Bagi menjalankan fungsinya sepertimana yang terkandung dalam Akta Profesion Undang-undang 1976, Majlis Peguam terdiri daripada Ahli Majlis, Jawatankuasa-jawatankuasa dan Jawatankuasa Bar Negeri-negeri.

Ahli Majlis Peguam Malaysia terdiri daripada 38 ahli yang dipilih setiap tahun untuk menguruskan urusan-urusan dan melaksanakan fungsi-fungsi iaitu Presiden, Naib Presiden, bekas Presiden yang terkini, Pengerusi bagi setiap sebelas (11) Jawatankuasa Bar Negeri, seorang wakil daripada setiap sebelas (11) Jawatankuasa Bar Negeri dan dua belas (12) ahli yang dipilih dari seluruh Semenanjung Malaysia melalui pengundian pos. Untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan pengurusan tentang urusan-urusan Bar Malaysia, badan peguam ini menugaskan kuasa dan fungsi-fungsi Jawatankuasa dari semasa ke semasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa negeri di seluruh Malaysia atau kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik dalam Bar Malaysia sendiri.

Jawatankuasa di Bawah Bar Malaysia menjalankan peranan tertentu mengikut pengkhususan. Sebanyak 44 Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Bar Malaysia dari pelbagai pengkhususan bagi meneliti dan mengkaji serta meningkatkan standard amalan guaman peguambela dan peguamcara. Berikut ialah senarai Jawatankuasa tersebut.

1. Ad Hoc Committee on Amendments to the LPA
2. Ad Hoc Committee on Personal Data Protection
3. Ad Hoc Committee On The Common Bar Course
4. Ad Hoc Committee On Conditional Fee Rules Re Personal Injuries
5. Arbitration & Alternative Dispute Resolution
6. Bahasa Melayu
7. Committee On Orang Asli Rights
8. Sub Committee On Construction Law
9. Constitutional Law Committee
10. Child Rights
11. Conveyancing Practice
12. Court Liaison
13. Corporate & Commercial Law
14. Criminal Law
15. Environment and Climate Change
16. Family Law
17. Finance
18. Human Rights
19. Industrial and Employment Law
20. Information Technology and Cyberlaws
21. Innovation and Future of Law Committee
22. International Malaysia Law Conference 2016
23. International Malaysia Law Conference 2014

24. Islamic Finance
25. LawCare
26. Law Reform & Special Areas
27. Legal Profession
28. Migrants, Refugees & Immigration Affairs Committee
29. Motor Insurance Review Committee
30. National Legal Aid
31. National Young Lawyers
32. Professional Indemnity Insurance
33. Professional Standards and Development
34. Publications
35. Safer Malaysia
36. Shipping & Admiralty Law
37. Solicitors' Remuneration Enforcement Committee
38. Sports
39. Syariah Law
40. Task Force on Combined Rules Of Court
41. Task Force to Review the Compendium of Personal Injury Awards
42. Task Force on Independent Police Complaints & Misconduct Commission (IPCMC)
43. Trade In Legal Services (formerly known as GATS)
44. Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan Steering Committee

Bagi Jawatankuasa Bar Negeri, seksyen 73 (i-vii) Akta Profesion Undang-undang 1976 memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa Bar Negeri ini dari sudut yuran, memajukan dan menjaga kepentingan peguambela dan peguamcara Bar Negeri, membuat rayuan, melayani dan mengurus perkara melibatkan Majlis Peguam dan Bar Negeri, mengadakan kemudahan bagi Bar Negeri, menyasiat dan mengambil tindakan mengenai kelakuan ahli Bar Negeri dan memilih 2 ahli Bar Negeri sebagai ahli Majlis Peguam. Terdapat 12 Jawatankuasa Bar Negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu.

## **APA ITU BADAN PEGUAM SYARIE?**

Apabila membicarakan aspek hal ehwal guaman Syarie, adalah amat penting untuk memahami apa itu Peguam Syarie. Sebagai antara kerjaya yang dianggap profesional, Peguam Syarie memerlukan sebuah badan profesional yang boleh mengawal selia ahli dan merancang usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Peguam Syarie. Penubuhan Badan Peguam Syarie ini adalah antara usaha ke arah memprofesionalkan pengurusan amalan guaman Syarie dan melaksanakan peruntukan yang relevan dalam APGS.

## **Definisi Peguam Syarie**

Peguam Syarie boleh didefinisikan sebagai *'a person who is given the rights by rules enacted by any state (or the Federal Government in respect of the Federal Territories) to appear and*

*represent his client in every Syariah Court case within the confine of such state or Federal Territories respectively*' (Sharifah Zubaidah, 1995). Umumnya tafsiran Peguam Syariah ini merujuk kepada kriteria yang ditetapkan oleh negeri-negeri menerusi Kaedah-Kaedah Peguam Syariah. Kaedah-Kaedah Peguam Syariah negeri-negeri ialah seseorang yang mempunyai kelayakan dan syarat sebagai Peguam Syariah sepertimana ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Peguam Syariah. Kebanyakan negeri mentafsirkan Peguam Syariah dengan tafsiran yang ringkas di mana rujukan perlu dibuat di dalam kaedah dan enakmen iaitu seseorang yang memegang atau memperoleh Sijil Peguam Syariah yang ditandatangani oleh Majlis atau pengerusi jawatankuasa setelah membayar fi (Md Zawawi Abu Bakar, 2013). Menerusi pentafsiran ini, boleh dirumuskan terdapat dua kategori Peguam Syariah iaitu Peguam Syariah atau Pengamal Syariah dan Peguam Syariah merangkap peguambela dan peguamcara.

Peguam syariah kategori pertama adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada universiti yang diiktiraf dan beramal hanya di Mahkamah Syariah. Segala urusan perlantikan dan tindakan tatatertib Peguam Syariah ini adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Peguam Syariah yang ditubuhkan melalui peruntukan Kaedah-Kaedah Peguam Syariah. Peguam Syariah kategori ini tidak berada di bawah bidang kuasa Majlis Peguam kerana mereka bukan ahli Majlis Peguam.

Manakala kategori lain pula merujuk Peguam Syariah merangkap peguambela dan peguamcara. Peguam Syariah ini adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan layak untuk beramal di Mahkamah Syariah. Antara kelebihan Peguam Syariah kategori ini ialah mereka boleh beramal di kedua-dua mahkamah, sama ada Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Dari aspek kawal selia dan badan professional, Majlis Peguam merupakan badan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap peguambela dan peguamcara berdasarkan peruntukan Akta Profesion Undang-Undang 1976. Apabila mereka menjadi peguam syariah mereka turut berada di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Peguam Syariah berdasarkan Kaedah-Kaedah Peguam Syariah.

Bagi Majlis Peguam, mereka membezakan istilah Peguam Syariah dan juga Pengamal Syariah. Pengamal Mahkamah Syariah yang bukan peguambela dan peguamcara dikenali sebagai Pengamal Syariah. Ini adalah kerana Pengamal Syariah tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 dan Kaedah-kaedahnyanya. Pengamal Syariah juga hanya boleh menghadiri kes-kes di Mahkamah Syariah sahaja. Oleh itu, Bar Malaysia melalui Jawatan Kuasa Undang-undang Syariah telah memutuskan bahawa Pengamal Syariah yang bukan peguambela dan peguamcara tidak boleh menjadi rakan kongsi atau digajikan oleh firma peguam kerana mereka merupakan "*unauthorized persons*" sepertimana ditafsirkan di bawah Akta Profesion Undang-undang, 1976 dan tidak boleh disenaraikan di atas kepala surat firma-firma guaman<sup>25</sup>. Baharuddeen Abu Bakar, (1995) tidak bersetuju dengan ketetapan ini dan mencadangkan ia dipertimbangkan semula. Dengan itu, peguambela dan peguamcara yang diterima dan mempunyai Sijil Amalan Guaman sebagai Peguam Syariah adalah digelar "Peguam Syariah". Sekiranya tidak memperbaharui Sijil Amalan Guamanya tetapi meneruskan amalan sebagai Peguam Syariah, peguam ini diklasifikasikan sebagai "Pengamal Syariah"<sup>26</sup>.

---

<sup>25</sup> Seksyen 36(1) Akta Profesion Undang-Undang 1976.

<sup>26</sup> Keputusan Majlis Peguam Bab 15, Perenggan 15.01: '*A Syariah Practitioner shall not be a sole proprietor, a partner, a consultant or a legal assistant of a law firm, unless he/she is also an Advocate and Solicitor and holds a valid practising certificate*'. Perenggan 15.02: '*All the Rulings shall apply to Syariah Practitioners in the course of their Syariah practice if such Syariah Practitioners are also Advocates and Solicitors*'.

## **Badan Peguam Syarie dan Majlis Peguam Syarie**

Idea penubuhan Badan Peguam Syarie ini merujuk kepada sebuah badan profesional untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan profession Peguam Syarie. Istilah Bar Malaysia dan Majlis Peguam seringkali disalahfahami. Oleh itu, adalah penting untuk memahami apa itu Badan Peguam Syarie dan juga Majlis Peguam Syarie seperti juga Bar Malaysia dan Majlis Peguam (Bar Council).

Di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976, strukturnya adalah merangkumi Lembaga Kelayakan, Bar Malaysia, Majlis Peguam, Jawatankuasa Bar Negeri dan Lembaga Tatatertib. Deraf APGS juga mengusulkan model yang sama dengan beberapa pindaan dan penambahbaikan dan ini merangkumi Lembaga Kelayakan, Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie, Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri dan Jawatankuasa Tatatertib.

Dalam konteks Akta Profesion Undang-undang 1976, Bar Malaysia mempunyai peranan untuk mengawal selia, memelihara dan meninggikan lagi standard profession undang-undang sepertimana diperuntukkan oleh seksyen 41-46. Manakala Majlis Peguam pula merujuk kepada badan eksekutif yang menguruskan, mentadbir, menyelaraskan dan melaksanakan fungsi-fungsi Bar Malaysia<sup>27</sup>.

Begitu juga dengan Majlis Peguam Syarie, ia berfungsi bagi tujuan pengurusan hal ehwal Badan Peguam Syarie Malaysia. Oleh itu, Badan Peguam Syarie Malaysia adalah badan profesional yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu mengawal selia semua Peguam Syarie di Malaysia. Manakala Majlis Peguam Syarie pula adalah badan yang melaksanakan fungsi-fungsi Badan Peguam Syarie. Bagi melaksanakan fungsi ini, Majlis Peguam Syarie dianggotai oleh sebilangan ahli yang dilantik menerusi pengundian yang akan menjalankan fungsi Badan Peguam Syarie sepertimana diperuntukkan oleh APGS.

Antara peranan Badan Peguam Syarie termasuklah mengawal selia pengeluaran sijil amalan peguam syarie, menjaga rekod Peguam Syarie, memastikan penerimaan masuk Peguam Syarie yang selaras serta dapat menjaga kebajikan ahli seperti sahabat mereka peguam sivil (Mohd Isa Ralip, 2014). Tidak seperti peguam-peguam yang berada di negara lain termasuk Malaysia, Peguam Syarie tidak diselia oleh satu badan khas. Sebaliknya, permohonan menjadi Peguam Syarie dikawalselia oleh jawatankuasa Peguam Syarie yang dilantik oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri<sup>28</sup> dan tindakan tatatertib dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri<sup>29</sup> atau jawatankuasa Peguam Syarie<sup>30</sup>.

## **Badan Peguam Syarie sebagai Badan Profesional**

Badan profesional mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Berbanding dengan entiti lain, badan profesional mempunyai kuasa untuk mentadbir dan mengawal ahli dari sudut undang-undang. Sesebuah badan profesional ini ditubuhkan bagi meningkatkan pengetahuan dan amalan menerusi pembangunan, kaedah-kaedah amalan, standard amalan termasuk aspek teknikal dan etika. Badan profesional perlu memainkan peranan dengan keyakinan dan kepercayaan

---

<sup>27</sup> Seksyen 46-47 Akta Profesion Undang-undang 1976.

<sup>28</sup> Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor) 2008. Lihat juga Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1993 (Wilayah Persekutuan).

<sup>29</sup> Kaedah 17(1) Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Selangor) 2008.

<sup>30</sup> Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1993 (Wilayah Persekutuan).

masyarakat dengan standard amalan dan memelihara serta melindungi *masalah* umum (Brian Green, 2015). Di Malaysia terdapat beberapa badan profesional mengikut ikhtisas masing-masing seperti Malaysian Institute Of Accountants (MIA); Malaysian Institute Of Certified Public Accountants (MICPA); Institution of Engineers Malaysia; Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia; Lembaga Juruukur Tanah Malaysia; Lembaga Penilai, Penaksir dan Agen Hartanah; Institution Of Surveyors Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia (MMC), Majlis Pergigian Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia dan Bar Malaysia.

Dari sudut bahasa, “Profesional” menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah ‘yang berkaitan dengan bidang profesion berasaskan kemampuan atau kemahiran yang khusus untuk melaksanakannya, cekap (teratur) dan memperlihatkan kemahiran tertentu melibatkan pembayaran dilakukan sebagai mata pencarian, mendapat bayaran dan orang yang mengamalkan kerana pengetahuan, kepakaran, dan kemahiran) sesuatu bidang profesion. Berdasarkan kepada definisi ini, Peguam Syariah juga boleh dianggap sebagai sebahagian daripada kerjaya profesional kerana Peguam Syariah bergiat di dalam bidang profesion yang khusus dan hanya Peguam Syariah yang boleh beramal di Mahkamah Syariah. Peguam Syariah juga perlu melalui proses kemasukan, tapisan kelayakan, menduduki ujian bertulis atau temuduga lisan sebelum boleh diterima masuk dan didaftarkan. Peguam Syariah juga mempunyai tanggungjawab profesional terhadap kliennya dan juga kepada profesion secara umumnya. Bukan sahaja dari sudut Hukum Syarak, malah dari sudut undang-undang, Peguam Syariah mesti melaksanakan tugas dengan amanah termasuk mengelakkan klien atau pihak lain mengalami kerugian atau kerosakan disebabkan tindakan mereka. Seperti kerjaya professional lain, Peguam Syariah boleh dikenakan tindakan disiplin atau tatatertib oleh Jawatankuasa Peguam Syariah, jika berlaku pelanggaran etika dan disiplin dalam menjalankan amalan profesionalnya (PGSM, 2014).

Berdasarkan kepada definisi ini, Peguam Syariah sebagai sebuah kerjaya profesional juga memerlukan kepada sebuah badan profesional bagi memastikan ia dapat menjalankan fungsinya dengan berkesan. Dalam masa yang sama, badan profesional dapat menjaga dan memelihara *masalah* umum. Sekiranya Badan Peguam Syariah ini ingin diiktiraf sebagai badan profesional, maka ia juga perlu memenuhi ciri-ciri badan profesional. Ciri-ciri badan profesional merangkumi dari aspek pengetahuan ikhtisas, latihan intensif dan berterusan, kepentingan profesion dalam masyarakat, kuasa dan autoriti, kebebasan dan autonomi, struktur organisasi, pentauliahan dan penerimaan masuk dan sebagainya.

Badan profesional merujuk kepada sebuah entiti dan komuniti yang ahlinya memiliki pengetahuan ikhtisas tertentu seperti bidang perubatan, kejuruteraan dan undang-undang. Pengetahuan ikhtisas ini adalah sangat penting kepada masyarakat dan hanya mereka yang memiliki kelayakan ikhtisas itu yang boleh menjadi ahli sebuah badan profesional. Pengamal profesion mesti mendapat pentauliahan atau diterima masuk sebagai ahli badan profesional tersebut. Badan profesional ini juga akan memastikan standard profesional ahlinya akan sentiasa dipertingkatkan menerusi latihan berterusan.

Bagi memastikan ia boleh berfungsi dengan efisien badan profesional adalah entiti yang bebas dan mempunyai autonomi tersendiri. Badan profesional mesti bebas untuk membuat keputusan dan penilaian mengenai hal ehwal profesion. Ini bermakna BPS yang ingin diwujudkan juga perlu bebas. Dana dan kewangan BPS mesti tidak didanai oleh Majlis Agama

Islam atau pihak kerajaan. Dana BPS umpamanya boleh dijana menerusi yuran ahli dan juga dari sumber bebas yang tidak mempengaruhi kebebasan sebuah badan profesional.

Badan profesional mesti berautoriti dan memiliki kuasa tertentu untuk mengawal dan mentadbir ahlinya dan ini termasuk etika profesional keahlian. Oleh itu, BPS mesti berbidang kuasa membuat kaedah-kaedah bagi ahlinya dan bukan pihak lain. Sebagai contoh, kod etika Peguam Syarie sewajarnya dikeluarkan oleh BPS dan bukan Mahkamah atau mana-mana pihak. Badan profesional perlu mengawal selia dan menentukan standard amalan menerusi peraturan-peraturan yang disepertujui oleh ahlinya. BPS mesti berautoriti untuk membuat kaedah-kaedah yang berkaitan dengan keahlian. Ini menggambarkan sebuah badan profesional yang memahami dan bertanggungjawab dengan hal ehwal profesion.

### **MENGAPA PERLU MEWUJUDKAN BADAN PEGUAM SYARIE MALAYSIA?**

Peguam Syarie di Malaysia pada hari ini dilantik menerusi Majlis Agama Islam Negeri-Negeri. Meskipun terdapat persatuan atau pertubuhan yang cuba menyatukan dan menyelaraskan amalan guaman Syarie di seluruh Malaysia, persatuan-persatuan ini bukan badan profesional yang berkuasa mengawal selia Peguam Syarie<sup>31</sup> seperti mana Majlis Peguam. Kewujudan badan profesional khusus bagi Peguam Syarie ini dilihat begitu diperlukan seiring dengan perkembangan undang-undang pentadbiran Islam dari sudut Mahkamah Syariah dan guaman Syarie.

Adalah penting juga untuk memahami struktur APGS dan kaitannya dengan BPS. APGS merupakan undang-undang yang memperuntukkan kuasa penubuhan BPS. Umumnya struktur APGS ini merangkumi Lembaga Kelayakan, Badan Peguam Syarie Malaysia, Majlis Peguam Syarie Malaysia, Lembaga Tatatertib Peguam Syarie dan Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri. Majlis Peguam Syarie hanyalah sebahagian daripada struktur APGS di mana ia berperanan untuk menguruskan hal ehwal Badan Peguam Syarie Malaysia.

### **Ketiadaan Badan Profesional Khusus Peguam Syarie**

Setakat hari ini, masih tiada sebuah badan profesional khusus Peguam Syarie melainkan Peguambela dan Peguamcara yang diletakkan di bawah Majlis Peguam berdasarkan Akta Profesion Undang-undang 1976. Atas inisiatif Peguam Syarie sendiri, PGSM telah ditubuhkan pada 2001 yang didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan. Walaupun, PGSM mempunyai keahlian tersendiri dan aktif melaksanakan pelbagai aktiviti untuk Peguam Syarie, namun terdapat banyak limitasi dan kekangan sebagai sebuah badan pertubuhan. Ia berbeza dengan Majlis Peguam yang berautoriti menerusi Akta Profesion Undang-undang 1976.

Menurut Undang-Undang Malaysia, persatuan ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Pertubuhan bermaksud persatuan, kelab, atau badan-badan yang bergerak berasaskan keahlian mengandungi tujuh orang ahli atau lebih serta mempunyai tujuan-tujuan tertentu samada kekal atau sementara tetapi tidak termasuk pertubuhan-pertubuhan atau badan-badan yang telah disahkan kewujudannya di bawah undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia seperti syarikat, kesatuan sekerja, koperasi dan sebagainya<sup>32</sup>.

---

<sup>31</sup> Lihat Fasal 3 Perlembagaan Persatuan Peguam Syarie Malaysia.

<sup>32</sup> Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966.

Bagi persatuan yang didaftarkan di bawah Akta pertubuhan, persatuan ini boleh menjalankan apa-apa aktiviti selagi tidak bertentangan dengan undang-undang negara<sup>33</sup>. Sebagai contoh, Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) menjalankan aktiviti-aktiviti berkenaan dengan Peguam Syarie di seluruh Malaysia. PGSM menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk latihan, kebajikan dan kepentingan umum (Musa Awang, 2014) bagi menaikkan taraf profesionalisme Peguam Syarie tetapi tidak berbidangkuasa menentukan apa-apa tindakan dan menguatkuasakan peraturan yang berkaitan profesion Peguam Syarie.

Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk menubuhkan BPS sebagai badan yang diberi kuasa di bawah APGS untuk menjalankan tugas-tugas mengawal selia Peguam Syarie di seluruh Malaysia secara menyeluruh dan efisien (Jasri Jamal, 2005). Penubuhan BPS ini dijangka dapat menyelesaikan pelbagai isu dan permasalahan merangkumi aspek peningkatan bilangan peguam Syarie dan firma guaman, pentadbiran yang tidak seragam, limitasi bidang tugas jawatankuasa Peguam Syarie dan yuran sijil amalan yang berbeza-beza.

### **Peningkatan Bilangan Peguam Syarie dan Firma Guaman**

Profesion sebagai Peguam Syarie bukan lagi satu profesion baru. Dengan peningkatan penubuhan firma-firma guaman Syarie di setiap negeri di Malaysia ia pastinya menimbulkan keperluan kepada satu badan profesional. Setakat ini, tidak ada badan induk yang ditubuhkan sama ada di peringkat Persekutuan dan juga negeri-negeri yang fungsinya adalah untuk menyelaraskan profesion peguam Syarie di negeri-negeri termasuk firma guaman. Sebagai perbandingan, berikut ialah bilangan Peguam Syarie dan Peguambela dan Peguamcara di Malaysia setakat 2017.

Jadual 4: Bilangan Peguam Syarie

Negeri	Bilangan Peguam Syarie
Wilayah Persekutuan	506
Selangor	400
Negeri Sembilan	247
Pulau Pinang	213
Perak	210
Pahang	202
Melaka	198
Johor	193
Kedah	117
Sarawak	117
Sabah	99
Terengganu	89
Perlis	89
Kelantan	88
Jumlah	2768

Sumber: PGSM, 2017.

Jadual 5: Bilangan Peguambela dan Peguamcara dan Firma Guaman

<sup>33</sup> Seksyen 2A Akta Pertubuhan 1966.

Negeri	Bilangan Peguambela dan Peguamcara	Bilangan Firma Guaman
Wilayah Persekutuan	7571	2145
Selangor	4572	2214
Negeri Sembilan	573	247
Pulau Pinang	1668	652
Perak	992	443
Pahang	523	216
Melaka	653	239
Johor	747	747
Kedah	612	302
Terengganu	359	142
Perlis	67	30
Kelantan	569	217
Jumlah	18,906	7637

Sumber: Majlis Peguam, 2017.

Secara umumnya, bilangan Peguam Syarie di Malaysia semakin meningkat saban tahun. Pada 2011 direkodkan hanya lebih kurang 2114 Peguam Syarie dan pada 2017 ia meningkat kepada 2768. Namun ia masih agak rendah berbanding dengan jumlah peguambela dan peguamcara. Nisbah atau ratio Peguam Syarie bagi lebih kurang 19 juta umat Islam di Malaysia yang mewakili 61.3% rakyat Malaysia adalah 1: 6864 berbanding peguambela dan peguamcara iaitu 1: 1606. Ini bermaksud profesion Peguam Syarie ini masih belum diterokai potensi sepenuhnya. Statistik juga menunjukkan penumpuan peguambela dan peguamcara termasuk Peguam Syarie di lembah kelang iaitu Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Jumlah Peguam Syarie yang berdaftar di negeri-negeri ialah 2768. Walaubagaimanapun, angka ini sebenarnya tidak mewakili jumlah Peguam Syarie yang sebenar kerana ia berdasarkan senarai berdaftar di negeri-negeri dan ada kemungkinan terdapat nama yang sama di mana Peguam Syarie tersebut beramal di beberapa buah negeri di Malaysia. Wilayah Persekutuan merekodkan bilangan Peguam Syarie paling ramai diikuti Selangor dan Negeri Sembilan. Terengganu, Perlis dan Kelantan mewakili negeri yang paling sedikit bilangan Peguam Syarie.

Firma guaman juga semakin meningkat seiring dengan perkembangan guaman Syarie di seluruh negara. Namun, penulis tidak dapat data bilangan firma guaman Syarie yang ada di Malaysia. Firma guaman bagi peguambela dan peguamcara adalah berjumlah 7637 dan ia juga tertumpu di lembah kelang, Selangor dan Wilayah Persekutuan termasuk Pulau Pinang dan Johor. Oleh kerana peguambela dan peguamcara mempunyai Majlis Peguam di mana pendaftaran diselaraskan, statistik firma guaman dan bilangan peguam mudah didapati bahkan ia boleh diakses di laman sesawang Majlis Peguam. Setakat ini, adalah agak sukar untuk mendapatkan data bilangan sebenar firma guaman Syarie dan Peguam Syarie yang didaftarkan di negeri-negeri.

Berbanding dengan firma guaman sivil yang didaftarkan di Majlis Peguam, firma guaman Syarie didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Firma guaman Syarie juga menghadapi kesulitan untuk menggunakan nama 'firma guaman' dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia kerana firma guaman ini sinonim dengan Majlis Peguam. Kebanyakan firma guaman



Syarie didaftarkan nama dengan Perunding Keluarga Islam<sup>34</sup>. Ini juga salah satu daripada isu dan kesulitan yang dihadapi oleh Peguam Syarie berkenaan dengan urusan pendaftaran dan penyelarasan yang pastinya memerlukan kepada sebuah badan profesional khusus iaitu BPS.

### **Pentadbiran Peguam Syarie Yang Tidak Seragam**

Disebabkan peruntukan berkenaan Peguam Syarie di Malaysia teletak di bawah kuasa negeri-negeri, maka setiap negeri memperuntukan undang-undang berkaitan pentadbiran Peguam Syarie tertakluk pada negeri itu sahaja (Md Zawawi Abu Bakar, 2013). Pada waktu ini, terdapat 14 peruntukan berkaitan peguam syarie dalam enakmen pentadbiran agama Islam dan 13 kaedah-kaedah Peguam Syarie. Kaedah-kaedah Peguam Syarie menetapkan perkara-perkara yang berkaitan pentadbiran Peguam Syarie merangkumi aspek jawatankuasa Peguam Syarie, lantikan dan tatatertib.

Terdapat beberapa perbezaan dalam peruntukan pada kaedah-kaedah Peguam Syarie. Berbanding negeri lain, Sabah pula tidak mempunyai kaedah-kaedah Peguam Syarie. Sebaliknya pentadbiran Peguam Syarie di Sabah merujuk kepada peruntukan dalam Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004<sup>35</sup>. Perbezaan peruntukan mengenai amalan guaman Syarie di negeri-negeri ini ada yang signifikan dan menimbulkan beberapa permasalahan dari sudut pentadbiran dan penyelarasan.

### **Bidang Tugas Jawatankuasa Peguam Syarie**

Bidangkuasa jawatankuasa Peguam Syarie negeri-negeri adalah terhad jika dibandingkan tugas sebuah badan profesional seperti Majlis Peguam. Bidangkuasa jawatankuasa Peguam Syarie adalah mengawalselia permohonan dan lantikan Peguam Syarie dan boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap Peguam Syarie yang melanggar kesalahan dan etika.

Akta Profesion Undang-Undang 1976 menyatakan Majlis Peguam adalah badan yang menyelia penubuhan firma guaman sivil. Berbeza dengan Majlis Peguam, jawatankuasa Peguam Syarie negeri-negeri tidak mempunyai bidangkuasa untuk menerima daftar penubuhan firma guaman Syarie kerana penubuhan firma guaman Syarie adalah sama seperti penubuhan syarikat-syarikat perniagaan di Malaysia (Md Zawawi Abu Bakar, 2013). Malahan, firma guaman Syarie juga menghadapi masalah untuk mendaftarkan nama dengan nama 'firma guaman Syarie'. Firma guaman Syarie ini dikenali sebagai Perunding Keluarga Islam oleh Pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Firma guaman Syarie juga tidak mempunyai peraturan khas mengenai akaun. Bagi firma guaman peguambela dan peguamcara, mereka diwajibkan untuk mempunyai dua akaun iaitu akaun pejabat dan akaun klien. Manakala bagi firma guaman Syarie, mereka hanya ada akaun pejabat dan ini akan menimbulkan masalah terutamanya di dalam kes kematian dan firma guaman Syarie yang ditutup. Jawatankuasa Peguam Syarie negeri-negeri juga tidak berbidangkuasa untuk menyemak akaun firma guaman Syarie. Berbeza dengan peguam sivil, akaun firma guaman dikawal selia oleh Majlis Peguam. Setiap tahun, peguam perlu menghantar laporan audit akaun firma kepada Majlis Peguam<sup>36</sup>.

<sup>34</sup> Temubual bersama Mohd Azlin Mohd Razali, Exco PGSM pada 3 November 2017.

<sup>35</sup> Seksyen 32 Enakmen Mahkamah Syariah 2004.

<sup>36</sup> Seksyen 29 Akta Profesion Undang-Undang 1976.

Dari sudut pendaftaran Peguam Syariah, daftar nama Peguam Syariah juga tidak menyeluruh. Sesebuah negeri hanya menyimpan daftar nama Peguam Syariah yang mempunyai sijil amalan di negeri itu sahaja (Md Zawawi Abu Bakar, 2013). Daftar nama ini tidak mewakili jumlah sebenar Peguam Syariah di Malaysia. Ini kerana berkemungkinan nama Peguam Syariah yang sama didaftarkan di negeri-negeri yang berbeza. Berbeza dengan daftar nama di Majlis Peguam, daftar nama yang diselia oleh Majlis Peguam adalah menyeluruh di Semenanjung Malaysia. Sekiranya orang awam yang ingin mendapatkan khidmat peguam, mereka hanya perlu mencari daftar nama di Majlis Peguam tanpa perlu melihat kepada badan-badan berkuasa yang lain atau badan-badan berkuasa setiap negeri<sup>37</sup>.

### **Kelayakan Peguam Syariah yang Berbeza**

Kelayakan menjadi Peguam Syariah adalah berbeza bagi setiap negeri. Antara perbezaan yang signifikan adalah kelayakan dan syarat untuk diterima masuk sebagai Peguam Syariah (Muhammad Burok, 2007). Ini menyebabkan ketidakselarasan prosedur untuk melayakkan diri menjadi Peguam Syariah di negeri-negeri. Ada yang mensyaratkan temuduga, ujian bertulis dan keperluan diploma lanjutan amalan guaman dan kehakiman Syariah. Ada beberapa negeri yang mensyaratkan latihan dalam kamar sebelum boleh diterima masuk sebagai Peguam Syariah. Malahan, permohonan perlu dibuat kepada Jawatankuasa Peguam Syariah negeri-negeri. Terdapat juga negeri-negeri yang tidak mensyaratkan Islam untuk menjadi Peguam Syariah seperti Melaka, Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Bagi peguambela dan peguamcara yang layak memohon menjadi Peguam Syariah, ada negeri-negeri yang mengenakan syarat tambahan perlu memiliki diploma Pentadbiran Kehakiman Islam. Ada juga negeri yang tidak mensyaratkan Ijazah Sarjana Muda Syariah seperti Melaka dan Pulau Pinang. Kaedah-kaedah Peguam Syariah negeri Melaka hanya menyatakan “berpengetahuan atau mahir dalam hukum syarak” dan Pulau Pinang menerima masuk dengan ijazah sarjana muda undang-undang atau LLB.S. Walaupun perkara ini nampak mudah, tetapi ia menimbulkan permasalahan dari sudut penyelarasan dan menjadi antara penghalang kepada kerangka kawal selia Peguam Syariah yang lebih efisien.

### **Prosedur Perlantikan Peguam Syariah Yang Berbeza**

Prosedur kemasukan Peguam Syariah di negeri-negeri juga adalah berbeza. Ada negeri yang mensyaratkan peperiksaan atau ujian bertulis, temuduga atau kedua-duanya. Sebahagian negeri seperti Johor<sup>38</sup>, Kelantan<sup>39</sup>, Pahang<sup>40</sup>, dan Wilayah Persekutuan<sup>41</sup> mensyaratkan calon Peguam Syariah hendaklah lulus peperiksaan Sijil Peguam Syariah manakala Negeri Sembilan<sup>42</sup> mensyaratkan lulus ujian bertulis atau temuduga. Bagi negeri Selangor, Perak dan Kedah menyebutkan lulus temuduga atau ujian bertulis atau kedua-duanya mengikut keperluan<sup>43</sup>.

Prosedur Peguam Syariah yang berbeza-beza mengikut mengikut negeri menimbulkan kesukaran kepada penerimaan masuk Peguam Syariah yang beramal di seluruh Malaysia. Statistik di dalam Jadual 4 menunjukkan bilangan Peguam Syariah yang masih terhad dengan

<sup>37</sup> [http://www.malaysianbar.org.my/legal\\_directory.html](http://www.malaysianbar.org.my/legal_directory.html)

<sup>38</sup> Kaedah-Kaedah Peguam Syariah (Johor) 1982.

<sup>39</sup> Kaedah-Kaedah Peguam Syariah (Kelantan) 2000.

<sup>40</sup> Peraturan-Peraturan Peguam Syariah (Pahang) 1995.

<sup>41</sup> Kaedah-Kaedah Peguam Syariah (Wilayah) 1995.

<sup>42</sup> Kaedah-Kaedah Peguam Syariah (Negeri Sembilan) 2012.

<sup>43</sup> Kaedah-Kaedah Peguam Syariah (Perak) 2003 dan Kaedah-Kaedah Peguam Syariah (Selangor) 2008.

ratio antara Peguam Syarie dan bilangan umat Islam di Malaysia ialah 1: 6864 berbanding peguambela dan peguamcara iaitu 1: 1606. Antara kesan daripada prosedur yang tidak efisien ini juga kita dapat melihat kekurangan peguam Syarie di sesetengah negeri dan terdapat ramai pula Peguam Syarie di sesetengah negeri yang lain (Md Zawawi Abu Bakar, 2013).

### **Yuran Peguam Syarie yang tidak Seragam**

Sebuah badan profesional mesti mempunyai autonomi dan bebas dan ini termasuk dana atau sumber kewangan yang diperolehi. Sepatutnya, yuran yang dibayar oleh Peguam Syarie digunakan untuk badan yang mengawalselia Peguam Syarie yang bebas seperti Majlis Peguam. Namun, yuran pengurusan Peguam Syarie adalah dianggap hasil kepada negeri. Ada negeri yang meminta bayaran yuran dibuat kepada Mahkamah Syariah dan ada juga yang menetapkan bayaran dibuat kepada Jabatan Agama Islam Negeri (Mohd Isa Ralip, 2014). Setiap Peguam Syarie perlu membayar beberapa jenis yuran seperti yuran pemprosesan, sijil dan yuran tahunan. Bayaran pemprosesan dan sijil perlu dijelaskan dengan sekali bayaran dan sijil tahunan pula perlu diperbaharui setiap tahun (Musa Awang, 2017).

Berikutan terdapat perbezaan yang ketara dari aspek yuran Peguam Syarie kerana terpaksa membayar yuran bagi setiap Sijil Peguam Syarie negeri yang dimiliki atau ingin beramal (Musa Awang, 2017). Pengurusan yang tidak efisien ini menyebabkan kesukaran kepada Peguam Syarie yang terpaksa membayar beberapa yuran dan berkemungkinan terlewat atau gagal menjelaskan yuran tersebut kerana berlain pengurusannya di setia negeri. Perlu diingatkan bahawa kegagalan untuk membuat bayaran yuran dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Peguam Syarie, tindakan disiplin boleh dikenakan sama ada membayar denda atau namanya digugurkan daripada Daftar Peguam Syarie.

### **Kualiti dan Etika Peguam Syarie**

Perkara seterusnya yang sangat signifikan mengenai amalan guaman Syarie ialah untuk meningkatkan kualiti dan standard profesional Peguam Syarie. Peguam Syarie perlu menguasai undang-undang pentadbiran, undang-undang prosedur dan undang-undang substantif yang di amalkan di Mahkamah Syariah. Di samping pengetahuan dan amalan ikhtisas ini, Peguam Syarie juga mestilah berakhlak mulia jujur, ikhlas dan berkualiti serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan.

Dari aspek etika, Kod Etika Peguam Syarie dikeluarkan oleh JKSM pada 2002 yang terpakai kepada semua Peguam Syarie di Malaysia termasuk Pendakwa Syarie. Kod Etika Peguam Syarie ini diambil daripada versi yang telah diubahsuai daripada Kaedah-kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978. Walaupun terdapat banyak persamaan dari aspek kod etika antara Peguambela dan Peguamcara dan Peguam Syarie, namun terdapat juga perbezaan yang perlu diberi pengiktirafan (Zulkifli Hasan, 2008).

Berbanding dengan Kaedah-kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978 ini dikeluarkan oleh badan professional manakala Kod Etika Peguam Syarie dikeluarkan oleh JKSM dan bukan mana-mana badan profesional guaman Syarie. Ini menimbulkan isu undang-undang memandangkan sepatutnya badan professional yang mengeluarkan kod etika bagi mengawal ahlinya dan bukan pihak lain. Pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan dalam Kaedah-kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978 boleh dianggap sebagai "misconduct" dan boleh diambil tindakan disiplin seperti diperuntukkan dalam seksyen 94 (3) Akta Profesion Undang-undang 1976. Manakala Kod Etika Peguam Syarie tidak menyebut

secara khusus perkara ini.

Peruntukan-peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Peguam Syarie setiap negeri tidak menyatakan etika bagi Peguam Syarie, tetapi menyediakan garis panduan untuk mengantung atau melucutkan seseorang Peguam Syarie. Kaedah-Kaedah Peguam Syarie umumnya ada memperuntukkan bahawa Peguam Syarie boleh dikenakan tindakan tatatertib jika telah disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah, telah melakukan pecah amanah atau penipuan atau kelakuan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang Peguam Syarie, telah menerima atau menawar rasuah untuk mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau orang lain, telah cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau orang lain dengan cara yang tidak wajar, telah menerima pekerjaan dalam urusan perundangan daripada seorang penarik pelanggan, membenarkan kerani atau orang lain yang tidak diberikuasa untuk bertindak bagi pihak dirinya sedangkan perbuatan itu tidak dikawal selia olehnya, menjalankan apa-apa perniagaan yang dirasakan tidak sesuai oleh jawatankuasa dalam kedudukan sebagai Peguam Syarie dan telah melanggar peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana akta yang lain.

Peguam Syarie perlu mematuhi etika dan tatatertib profesion. Di antara objektif Badan Peguam Syarie adalah untuk mewujudkan Peguam Syarie yang mempunyai etika mengikut lunas-lunas Islam. Etika Peguam Syarie pada asasnya terkandung di dalam prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam Islam dan juga digariskan di dalam Kaedah-kaedah Peguam Syarie setiap negeri yang lebih kurang sama bagi semua negeri. Konsep Guaman Syarie menggariskan bahawa seseorang peguam mesti berakhlak dan berperibadi mulia dan berkata benar demi menegakkan keadilan yang mencegah kezaliman.

### **APAKAH PENDEKATAN PENUBUHAN BADAN PEGUAM SYARIE?**

Idea BPS adalah bersifat 'centralised administration' atau pentadbiran berpusat yang menaungi semua Peguam Syarie di Malaysia sepertimana Bar Malaysia. Namun begitu, realitinya masih terdapat banyak isu yang perlu diambil perhatian khususnya dari aspek kerangka perlembagaan. Umumnya, terdapat dua pendekatan untuk menubuhkan BPS iaitu mewujudkan Badan Peguam Syarie Malaysia menerusi Akta Profesion Guaman Syarie yang diluluskan di peringkat Persekutuan atau menubuhkan Badan Peguam Syarie Negeri dengan negeri-negeri meluluskan Enakmen Profesion Guaman Syarie masing-masing. Perlu diingatkan bahawa penubuhan BPS ini tidak menghalang untuk mana-mana pertubuhan atau persatuan untuk meneruskan aktiviti dan melaksanakan program-program untuk ahli mereka.

### **Badan Peguam Syarie Malaysia dan Akta Profesion Guaman Syarie**

Pendekatan pertama adalah ideal dan yang diperjuangkan oleh PGSM dan beberapa pihak lain menyarankan agar Parlimen menggubal Akta Profesion Guaman Syarie dan seterusnya akta ini memberikan kuasa kepada BPS untuk mengawal dan mentadbir semua Peguam Syarie di Malaysia<sup>44</sup>. PGSM mengambil pandangan bahawa Artikel 76 (1) Perlembagaan Persekutuan boleh digunakan untuk membolehkan Parlimen menggubal Akta Profesion Guaman Syarie.

---

<sup>44</sup> Persidangan Meja Bulat Akta Profesion Guaman Syarie yang diadakan pada 23 hingga 24 Mei 2014, bertempat di Hotel Flamingo, Ampang Selangor, yang telah dihadiri oleh seramai 40 orang pimpinan persatuan Peguam Syarie negeri-negeri, wakil-wakil Peguam Syarie negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak, wakil Jawatankuasa Syariah Majlis Peguam Malaysia serta beberapa orang Peguam Syarie merumuskan bahawa parlimen boleh menggubal APGS (PGSM, 2014).

Artikel 76 memperuntukkan Kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang bagi Negeri-negeri dalam hal-hal tertentu. Artikel 76 (1) menyebut bahawa ‘Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri, tetapi hanya seperti yang berikut sahaja, iaitu: (a) bagi maksud melaksanakan apa-apa triti, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain, atau apa-apa keputusan sesuatu organisasi antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan; atau (b) bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua Negeri atau lebih; atau (c) jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan mana-mana Negeri.

Menerusi peruntukan ini, negeri-negeri mesti bersetuju dan meminta Parlimen untuk menggubal APGS ini dengan tujuan menggalakkan keseragaman undang-undang. PGSM telah memulakan usaha untuk mendapatkan persetujuan negeri-negeri ini dan mereka mencadangkan sekurang-kurangnya dimulakan dengan negeri majoriti Muslim seperti Melaka, Kelantan, dan Terengganu. Oleh itu, persetujuan negeri-negeri perlu terlebih dahulu didapatkan sebelum boleh merealisasikan pendekatan ini. Perkara ini boleh dilaksanakan tetapi pastinya menghadapi kesukaran dari aspek yang lain kerana ia melibatkan kuasa negeri.

Selain daripada itu, Senarai I, Item 17 (Senarai Persekutuan), juga memperuntukkan bahawa “*Pekerjaan professional selain disebutkan satu persatu secara khusus*” adalah termasuk di bawah bidangkuasa perundangan kerajaan Persekutuan. PGSM juga berpandangan bahawa peruntukan ini membolehkan parlimen menggubal APGS kerana ia terletak di bawah bidang kuasa persekutuan (PGSM, 2014). Namun, pandangan ini memerlukan kajian dan perbahasan yang lebih lanjut kerana ia masih boleh diperdebatkan dari sudut kerangka perlembagaan.

Namun begitu, terdapat beberapa isu perlembagaan bagi merealisasikan pendekatan ini. Ini memandangkan Jadual Kesembilan Senarai I jelas memperuntukkan bahawa parlimen tidak berbidang kuasa untuk menggubal akta berkenaan dengan aspek berkaitan Mahkamah Syariah. Jadual Kesembilan Senarai I fasal 4 memperuntukkan bahawa ‘Undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan, termasuk (a) Keanggotaan dan susunan semua mahkamah selain Mahkamah Syariah; (b) Bidang kuasa dan kuasa semua mahkamah itu; (c) Saraan dan keistimewaan lain hakim dan pegawai yang mengetuai mahkamah itu; (d) Orang yang berhak menjalankan amalan di hadapan mahkamah itu’.

Peruntukan ini secara jelas menunjukkan bahawa persekutuan hanya berbidang kuasa menggubal undang-undang berkenaan dengan orang yang berhak menjalankan amalan di hadapan Mahkamah Sivil dan bukan Mahkamah Syariah. Oleh itu, pandangan yang mengatakan bahawa Peguam Syarie boleh dikira sebagai ‘pekerjaan professional’ dalam Senarai I, Item 17 (Senarai Persekutuan) juga adalah tidak tepat. Perlembagaan menyebut bahawa persekutuan hanya mempunyai kuasa pentadbiran keadilan, keanggotaan dan susunan semua mahkamah selain Mahkamah Syariah. Ini pastinya menimbulkan permasalahan perlembagaan sekiranya parlimen menggubal undang-undang yang kuasanya di bawah kuasa negeri-negeri.

Walaupun Artikel 76 (1) membolehkan Parlimen menggubal undang-undang bagi maksud keseragaman undang-undang, ia masih tertakluk kepada Artikel 76 (3) yang memperuntukkan bahawa ‘Tertakluk kepada Fasal (4), sesuatu undang-undang yang dibuat menurut perenggan (b) atau perenggan (c) Fasal (1) tidak boleh berkuat kuasa di mana-mana Negeri sehingga undang-undang itu telah diterima pakai melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu, dan selepas itu hendaklah disifatkan sebagai suatu

undang-undang Negeri dan bukan suatu undang-undang persekutuan, dan boleh dipinda atau dimansuhkan sewajarnya melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan itu'. Ini bermakna walaupun undang-undang itu digubal oleh parlimen tetapi ia hendaklah disifatkan undang-undang negeri dan negeri berhak meminda atau memansuhkannya.

### **Badan Peguam Syarie Negeri dan Enakmen Profesion Guaman Syarie Negeri**

Memandangkan peruntukan perlembagaan mengenai aspek guaman Syarie ini adalah bersifat kenegerian, maka pendekatan mewujudkan model undang-undang yang boleh menyelaraskan amalan guaman Syarie ini boleh dilakukan. Ini boleh dilaksanakan dengan menggubal Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie negeri tertentu dan seterusnya negeri-negeri boleh mengambil model undang-undang ini untuk dijadikan asas kepada enakmen profesion guaman Syarie di negeri masing-masing. Pendekatan ini tidak menimbulkan permasalahan perlembagaan malahan dapat juga menyelesaikan isu konflik antara kuasa negeri dan persekutuan.

Pendekatan ini walaubagaimanapun adalah tidak memenuhi hasrat sebenar ke arah penubuhan Badan Peguam Syarie Malaysia. Sekiranya pendekatan ini dilaksanakan, maka akan terdapat 14 Badan Peguam Syarie negeri di Malaysia yang diletakkan di bawah Enakmen Profesion Guaman Syarie negeri masing-masing. Ia tidak banyak menghuraikan permasalahan guaman Syarie yang berbangkit tetapi boleh sekurang-kurangnya menyeragamkan dan menyelaraskan dari sudut pentadbiran dan sebagainya.

Jabatan Peguam Negara berpandangan pendekatan ini adalah yang paling sesuai buat masa ini. Bagi maksud penyelarasan, model atau pendekatan yang sama seperti JKSM juga boleh dibuat di mana Badan Peguam Syarie negeri-negeri boleh mengambil inisiatif mewujudkan satu gabungan Badan Peguam Syarie di peringkat persekutuan. Berbeza dengan pendekatan PGSM, Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil yang ditubuhkan oleh JAKIM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie Wilayah Persekutuan. Rang Undang-undang ini telah dibentangkan di Persidangan Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil pada 24-26 Oktober 2017. Rang Undang-undang ini diharapkan boleh menjadi model undang-undang di negeri-negeri mengenai aspek kawal selia dan urustadbir Peguam Syarie. Ia memberikan kuasa kepada Badan Peguam Syarie negeri-negeri untuk mentadbir, mengawal dan membuat standard dan kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan profesion guaman Syarie itu sendiri.

### **PERANAN BADAN PEGUAM SYARIE**

Bar Malaysia mempunyai peranan statutori tersendiri yang dinyatakan secara khusus dalam Akta Profesion Undang-undang 1976. Seksyen 42(1)(b) dan (e) Akta Profesion Undang-undang 1976 menyebut secara jelas perkara ini iaitu bar Malaysia berperanan “to maintain and improve the standards of conduct and learning of the legal profession and to represent, protect and assist members of the legal profession. Peranan Majlis Peguam dinyatakan secara khusus dalam akta dengan memberikan mandat dan kuasa yang jelas untuk ia dilaksanakan.

Kerangka APGS yang ingin digubal umumnya dibahagikan kepada bahagian-bahagian tertentu di antara lainnya meliputi bahagian peruntukan bagi Lembaga Kelayakan, Badan Peguam Syarie, bahagian Kemasukan Sebagai Peguam Syarie, bahagian Sijil Amalan Guaman Syarie, bahagian Keistimewaan ('Privileges') Peguam Syarie, bahagian Majlis Peguam Syarie,

bahagian kod Amalan Profesional, Etika, Tatatertib dan Disiplin Peguam Syarie, bahagian Prosiding Disiplin, bahagian Upah Peguam Syarie dan lain-lain lagi.

Lembaga Kelayakan Peguam Syarie pula apabila ditubuhkan akan menentukan kemasukan Peguam Syarie berpandukan peruntukan atau seksyen bagi Kemasukan sebagai Peguam Syarie di bawah APGS. Bahagian tersebut perlu menyeragamkan syarat-syarat kelayakan untuk penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie yang sebelum ini bergantung kepada undang-undang di dalam Enakmen atau Akta Pentadbiran Undang-undang Islam setiap negeri termasuk prosedur kemasukan yang dinyatakan di dalam Kaedah-kaedah Peguam Syarie negeri masing-masing. Ianya juga akan merangkumi aspek penyelarasan prosedur permohonan yang perlu dituruti oleh setiap negeri-negeri di Malaysia dan bukan lagi berbeza mengikut kehendak negeri masing-masing. APGS akan menyelaraskan banyak perkara termasuk kewajipan menjalani latihan dalam kamar bagi bakal-bakal Peguam Syarie. Pengeluaran Sijil Amalan Guaman Syarie juga akan lebih teratur melalui peruntukan di dalam Akta tersebut kerana ia bersifat pemusatan hal ehwal pentadbiran guaman Syarie.

Peranan BPS ini adalah bersifat menyeluruh bagi mengawal selia Peguam Syarie dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan standard profesional dan kualiti Peguam Syarie itu sendiri. Sebagai sebuah badan profesional, BPS bukan sahaja perlu memainkan peranan terhadap Peguam Syarie tetapi juga memelihara *masalah* umum melibatkan amalan guaman Syarie. Masyarakat umum, Mahkamah Syariah dan klien Peguam Syarie boleh membuat aduan kepada Jawatankuasa Tatatertib sekiranya mendapati ada kecuaiian atau kesalahan yang dilakukan oleh Peguam Syarie. Antara peranan penting BPS adalah melaksanakan peruntukan dan mandat APGS, menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan, menguruskan proses kemasukan Peguam Syarie, memberi pandangan mengenai undang-undang, menjaga etika dan disiplin Peguam Syarie, menyelia dan mengawal firma guaman, menyelaraskan bayaran-bayaran, menyediakan latihan dan pendidikan berterusan dan menjaga kebajikan Peguam Syarie.

### **Melaksanakan Akta Profesion Guaman Syarie**

APGS adalah elemen utama dalam penubuhan Badan Peguam Syarie kerana akta ini yang akan memberikan kuasa dan mandat kepada badan profesional untuk melaksanakan undang-undang yang terkandung di dalam akta tersebut sepertimana Majlis Peguam yang melaksanakan peruntukan undang-undang di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976<sup>45</sup>. APGS juga perlu menyatakan secara khusus dan terperinci penubuhan BPS dari sudut objektif dan kuasa yang diberikan kepadanya sebagai satu-satunya badan profesional yang mengawal selia dan mentadbir Peguam Syarie di Malaysia. Menerusi mandat yang diberikan, BPS perlu melaksanakan APGS mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya.

### **Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran**

Peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri secara umumnya meletakkan jawatankuasa Peguam Syarie yang dianggotai oleh pihak-pihak yang turut memegang jawatan strategik seperti ketua hakim Syarie, ketua pendakwa Syarie, mufti, ketua pendaftar atau jawatan-jawatan lain (Md Zawawi Abu Bakar, 2013). Amalan ini secara umumnya tidak bersesuaian kerana sepatutnya sebuah badan profesional yang menjalankan peranan

---

<sup>45</sup> Seksyen 47(1) Akta Profesion Undang-Undang 1976.

Jawatankuasa Peguam Syarie negeri-negeri ini yang dianggotai oleh Peguam Syarie yang berpengalaman dan pihak yang berkelayakan dan sesuai (Muhammad Burok, 2007).

Dari aspek kelayakan Peguam Syarie, APGS memberikan kuasa untuk menentukan syarat kelayakan kepada Lembaga Kelayakan Peguam Syarie. Lembaga Kelayakan Peguam Syarie boleh mengkaji dan menyediakan peraturan dan syarat-syarat untuk memastikan kualiti Peguam Syarie. Jawatankuasa-jawatankuasa lain boleh diwujudkan bagi melakukan tugas-tugas kawal selia Peguam Syarie seperti jawatankuasa perlantikan Peguam Syarie, jawatankuasa pengurusan sijil amalan guaman Syarie, jawatankuasa kod amalan profesional, etika, disiplin dan tatatertib Peguam Syarie, jawatankuasa prosiding dan jawatankuasa fi Peguam Syarie.

Selain daripada Jawatankuasa ini yang bersifat mengawal selia dan mentadbir Peguam Syarie, BPS juga boleh menubuhkan jawatankuasa khas untuk meningkatkan kualiti Peguam Syarie dan memberikan sumbangan kepada masyarakat sepertimana yang dilakukan oleh Bar Malaysia. Bar Malaysia telah mewujudkan 44 jawatankuasa mengikut bidang dan pengkhususan. Dengan itu, BPS juga boleh mewujudkan jawatankuasa seperti jawatankuasa latihan dan pendidikan, jawatankuasa tatacara jenayah Syariah, jawatankuasa tatacara mal, jawatankuasa amalan sulh dan sebagainya.

### **Menguruskan Prosedur Kemasukan dan Perlantikan Peguam Syarie**

BPS akan menubuhkan jawatankuasa perlantikan khas bagi mengawal selia kemasukan atau perlantikan Peguam Syarie berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah APGS (Muhammad Burok, 2007). Perlantikan Peguam Syarie yang dilaksanakan oleh jawatankuasa lantikan akan menyeragamkan perlantikan Peguam Syarie di seluruh Malaysia. Perlantikan Peguam Syarie yang bersifat pemusatan pentadbiran dan pengurusan ini membolehkan Peguam Syarie beramal di seluruh Malaysia tanpa perlu memohon perlantikan di setiap negeri. Bukan itu sahaja, ini akan memudahkan pengumpulan maklumat dan data mengenai Peguam Syarie termasuk bilangan firma guaman Syarie di seluruh Malaysia.

### **Memberi Pandangan Berkenaan Undang-Undang Syariah**

BPS juga berperanan sebagai antara badan rujukan undang-undang sesuai dengan ikhtisas yang ada. Sebuah badan profesional, BPS boleh memberikan pandangan atau nasihat kepada badan penggubal undang-undang negeri dan persekutuan sekiranya melibatkan penggubalan, pentadbiran dan amalan undang-undang Syariah. BPS juga boleh mengeluarkan kenyataan memberikan pandangan mengenai isu semasa yang boleh membantu masyarakat memahami sesuatu isu itu dengan betul. Pandangan atau kenyataan sebuah badan profesional biasanya akan diambil perhatian serius oleh pihak berkaitan termasuk masyarakat umum walaupun ia tidak bersifat nasihat guaman. Pandangan BPS juga sangat penting kepada pihak penggubal undang-undang dan institusi keadilan bagi mendapatkan maklumat dan maklumbalas ke arah menambahbaik sistem perundangan Syariah secara menyeluruh.

### **Menggubal Peraturan Dan Kaedah-kaedah Guaman Syarie**

BPS juga mempunyai kuasa untuk menggubal peraturan atau kaedah-kaedah berkaitan Peguam Syarie. APGS memberikan kuasa kepada Lembaga Kelayakan Peguam Syarie untuk menentukan syarat-syarat yang berkaitan kelayakan individu yang boleh dilantik menjadi



Peguam Syarie. Walaupun tanpa BPS seperti amalan sekarang, Peguam Syarie boleh memberikan pandangan kepada penggubal undang-undang sama ada secara individu atau menerusi PGSM, ia tidak mempunyai kesan dari sudut undang-undang. Malahan PGSM hanyalah sebuah gerakan badan bukan kerajaan dan tidak berbidangkuasa menentukan apa-apa perkara berkaitan penggubalan undang-undang termasuk peraturan atau kaedah-kaedah Peguam Syarie.

### **Menjaga Etika Dan Disiplin Peguam Syarie**

Peguam Syarie mesti mempunyai akhlak mulia, bersifat amanah, menjalankan tugas dengan ikhlas dan jujur. Sebuah badan profesional mesti berperanan untuk memastikan profesion berada pada tahap yang diyakini oleh masyarakat. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab BPS untuk menjaga etika dan disiplin Peguam Syarie menerusi satu jawatankuasa kawalan disiplin dan etika Peguam Syarie (Jasri Jamal, 2005). Jawatankuasa Tatatertib ini akan memantau etika Peguam Syarie dan juga menjalankan penyiasatan terhadap aduan-aduan yang diterima daripada klien atau orang awam terhadap kelakuan dan perbuatan Peguam Syarie.

Kod Etika Peguam Syarie sedia ada dikeluarkan oleh JKSM pada 2002 yang terpakai kepada semua Peguam Syarie di Malaysia termasuk Pendakwa Syarie. Kod Etika Peguam Syarie ini merujuk banyak peruntukan yang ada dalam Kaedah-kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978. Dengan wujudnya BPS, Kod Etika Peguam Syarie bukan lagi digubal oleh JKSM tetapi oleh BPS sendiri (Mohd Naim Mokhtar dan Noor Inaya, 1999). Sebagai sebuah badan professional sepatutnya, Kod Etika Peguam Syarie ini dikeluarkan oleh BPS bagi mengawal selia dan menjaga etika dan disiplin Peguam Syarie.

BPS juga boleh menubuhkan kumpulan wang pampasan seperti Bar Malaysia. Wang yang dikumpul ini boleh digunakan untuk membayar ganti rugi kepada mana-mana pihak yang telah menanggung kerugian akibat kecuiaan atau kecurangan Peguam Syarie. Kumpulan wang ini juga boleh digunakan oleh Badan Peguam Syarie untuk pelaburan dan keuntungan ini boleh digunakan untuk menampung aktiviti dan kos pentadbiran Badan Peguam Syarie.

### **Menyelia dan Mengawal Firma Guaman Dan Akaun**

Seperti yang dibincangkan sebelum ini iaitu firma guaman Syarie menghadapi masalah untuk menggunakan nama 'firma guaman Syarie' dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Umumnya, firma guaman Syarie ini dikategorikan sebagai Perunding Keluarga Islam. Penubuhan BPS ini akan menjadikan pengurusan pendaftaran firma guaman Syarie lebih tersusun dan dikawal selia oleh sebuah badan profesional. BPS akan menyelia penubuhan firma guaman syarie di seluruh Malaysia semua firma ini akan didaftarkan sebagai firma guaman Syarie dan bukan sebagai syarikat<sup>46</sup>.

Dengan kelemahan pengawal seliaan ini, didapati ada Peguam Syarie yang tidak mempunyai Sijil Amalan Guaman atau tidak memperbaharui tetapi masih memberikan khidmat guaman kepada klien. Malahan ada yang melanggar Kod Etika Peguam Syarie dengan 'meraih langganan' secara langsung atau secara tidak langsung. Pendaftaran firma guaman Syarie juga adalah sangat penting. Dengan keadaan satu daftar nama khusus firma guaman Syarie di bawah satu badan profesional, adalah agak sukar untuk mengesan dan mengawal selia. Sekiranya

---

<sup>46</sup> Temubual bersama Mohd Azlin Mohd Razali, Exco PGSM pada 3 November 2017.

firma guaman Syariah itu ditutup, timbul persoalan mengenai fail-fail kendalian firma tersebut dan seterusnya hak dan kepentingan kelayan juga akan terjejas.

Selain pendaftaran firma guaman syariah, BPS juga perlu memainkan peranan untuk menyemak dan mengaudit akaun. Oleh itu, satu peraturan mengenai akaun boleh digubal dan dikuatkuasakan kepada semua firma guaman Syariah. Jika sebelum ini, firma guaman Syariah hanya mempunyai akaun pejabat, peraturan mengenai akaun boleh mewajibkan firm untuk mempunyai dan mengasingkan akaun pejabat dan akaun klien. Bukan itu sahaja, BPS boleh melantik jawatankuasa khas yang akan menjalankan audit tahunan akaun firma guaman Syariah. Pada masa ini, tiada pihak yang berautoriti menjalankan audit akaun-akaun firma guaman Syariah termasuk jawatankuasa Peguam Syariah negeri-negeri.

### **Menyelaraskan Bayaran-Bayaran Berkaitan Guaman Syariah**

Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara dari sudut bayaran-bayaran yang dikenakan kepada Peguam Syariah dari satu negeri ke negeri yang lain. Antara yuran yang dikenakan yuran permohonan, yuran pendaftaran dan sijil amalan. Amalannya semua yuran ini dibayar kepada jawatankuasa Peguam Syariah negeri-negeri dan jumlah bayaran bagi negeri-negeri ini juga berbeza<sup>47</sup>. Dengan kuasa yang ada, BPS boleh menyelaras yuran-yuran yang dikenakan terhadap Peguam Syariah. Semua Peguam Syariah hanya perlu membayar yuran kepada BPS dan tidak lagi kepada setiap negeri. Apa yang lebih penting, yuran ini boleh digunakan untuk BPS mengatur dan menyediakan latihan dan pendidikan berterusan kepada Peguam Syariah termasuk program-program ke arah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Peguam Syariah.

### **Menyediakan Latihan dan Pendidikan Profesional Berterusan**

Peguam Syariah mesti memiliki pengetahuan luas dalam aspek undang-undang Syariah terutama undang-undang pentadbiran, substantif dan prosedur. Sebuah badan professional akan sentiasa memastikan ahlinya mempunyai pengetahuan dan kemahiran ikhtisas yang menepati piawaian profesion itu sendiri. Jawatankuasa Pembangunan Standard Majlis Peguam misalnya secara berterusan melaksanakan pendidikan dan latihan termasuk kursus-kursus wajib yang perlu dihadiri oleh peguambela dan peguamcara. BPS juga boleh berbuat demikian dan mewajibkan semua Peguam Syariah untuk mengikuti latihan dan pendidikan tertentu. BPS boleh mensyaratkan kepada semua Peguam Syariah untuk melengkapkan latihan tertentu sekiranya ingin memperbaharui sijil amalan guaman Syariah. BPS boleh menganjurkan bengkel, seminar, konferen, kolokium, konvensyen, forum dan sebagainya bagi maksud meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Peguam Syariah secara berterusan.

### **Menjaga Kebajikan Peguam Syariah**

Badan profesional guaman Syariah juga seperti organisasi lain perlu menjaga kebajikan ahlinya. BPS juga perlu melindungi dan menjaga kebajikan ahlinya menerusi skim perlindungan takaful. Skim perlindungan takaful profesional atau 'profesional indemnity takaful' yang diwajibkan kepada peguambela dan peguamcara juga boleh dilaksanakan oleh BPS. Skim ini tidak wajib dan firma guaman Syariah tidak mempunyai perlindungan takaful profesional. Ini

---

<sup>47</sup> Temubual bersama Musa Awang, Presiden PGSM pada 31 Oktober 2017.

bukan sahaja dapat melindungi dan menjaga kebajikan Peguam Syarie tetapi juga memelihara kemaslahatan klien.

Selain melakukan pengawasan etika dan pengawalseliaan Peguam Syarie, badan profesional juga boleh menubuhkan jawatankuasa kebajikan bagi membantu meringankan beban Peguam Syarie. Peguam Syarie juga perlu kepada tabungan kecemasan sekiranya sesuatu yang tidak diingini terjadi kepada Peguam Syarie atau keluarganya (Muhammad Burok, 2007). Dengan kewujudan jawatankuasa kebajikan dalam BPS akan membantu pada perkara-perkara yang diperlukan oleh Peguam Syarie atau keluarganya. Kebajikan yang dimaksudkan bukan sahaja sekadar kecelakaan diri tetapi turut membantu dalam perkara yang menjatuhkan kerjaya seseorang sebagai peguam syarie seperti disaman oleh klien akibat kecuaiannya ketika mewakili anak guam.

### **Menyediakan Khidmat Kepada Masyarakat**

Selain daripada menjaga kebajikan ahli, BPS juga mempunyai tanggungjawab untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat. Kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat peningkatan bilangan Peguam Syarie di Malaysia, direkodkan bahawa masih terdapat ramai yang tidak mempunyai akses iaitu lebih kurang 70 peratus kepada perkhidmatan guaman Syarie yang sewajarnya (Amanda Whiting, 2012). Profesion Peguam Syarie perlu memberikan perhatian kepada aspek ini.

Dengan itu, BPS boleh menubuhkan unit atau bahagian bantuan guaman sebagai sebahagian daripada BPS yang boleh memberikan khidmat guaman kepada orang awam. Majlis Peguam sendiri telah mewujudkan jawatankuasa bantuan guaman kebangsaan dan menyediakan khidmat bantuan guaman secara pro bono. Malahan, setiap pelatih dalam kamar diwajibkan untuk memberikan khidmat bantuan guaman sebelum boleh diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara. Sekiranya BPS mewujudkan bahagian bantuan guaman ini, maka BPS juga boleh terlibat dengan aktiviti dan inisiatif bersama Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan dan jabatan bantuan guaman Malaysia. BPS juga boleh meneroka inisiatif lain bagi memberikan sumbangan kepada masyarakat termasuk melaksanakan program-program berbentuk tanggungjawab sosial seiring dengan keperluan masyarakat.

### **PENUBUHAN BPS DARI PERSPEKTIF *MAQASID AL-SYARIAH***

Penubuhan BPS ini juga adalah bertepatan dengan *Maqasid al-Syariah*. YAB Perdana Menteri sendiri menyatakan bahawa pembangunan negara adalah berlandaskan *Maqasid al-Syariah*. Malahan, Malaysia telah memperkenalkan Indeks Syariah yang komprehensif bagi mengukur amalan pentadbiran dan pengurusan negara. Skor Indeks Syariah Malaysia bagi 2017 juga meningkat iaitu 76.06 peratus, dan indeks perundangan mencapai 84.91 peratus (JAKIM, 2017). Oleh itu, bagi memelihara masalah umum dan profesion itu sendiri, maka penubuhan BPS ini pastinya sesuatu yang selari dengan tuntutan *Maqasid al-Syariah*<sup>48</sup>.

---

<sup>48</sup> Sila rujuk Ibnu Ashur, Al Tahir (1978). *Maqasid al Syariah al Islamiyyah*, El Raysuni, Ahmad (1992). *Nazariyat al Maqasid ind Imam al Shatibi*, Abd Rahman al Kilani (2000), *Qawaid al Maqasid Ind al Imam al Shatibi*, Nur al Din Buthuri (2000) *Maqasid al Syariah*, Al Alwani, Taha Jabir (2001). *Maqasid al Syariah*, Gamal Eddin Attia, (2001) *Maqasid al Syariah: A Functional Approach*, Jasser Auda. (2008) *Maqasid al Syariah: A Systems Approach* dan Hashim Kamali. (2011). *Al-Dalil al-Mubassat fi Maqasid al-Shari'ah*.

Pengurusan dan pentadbiran guaman Syarie yang cekap dan berkesan bergantung pada pelaksanaan prinsip *Qawa'id Maqasidiyyah* (kaedah-kaedah mencapai tujuan), *Jalb Al-Masalih Wa Dar' Al-Mafasid* (menjaga kemaslahatan dan menolak kerosakan) dengan mengambil kira *Fiqh Al-Awlawiyyat* (fiqh keutamaan). Berdasarkan prinsip inilah, keperluan kepada wujudnya sebuah badan profesional adalah didambakan. Menerusi badan profesional yang mempunyai kuasa tertentu yang diperuntukkan undang-undang akan dapat memenuhi keperluan profesion itu sendiri di samping memelihara kepentingan semua pihak. Apa yang lebih penting, pentadbiran menerusi sebuah badan profesional khusus ini akan dapat meningkatkan imej institusi Islam dan seterusnya memperlihatkan keindahan Islam itu sendiri. Ini seiring dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah yang menyebut: "Sesungguhnya Syariah Islam itu binaan dan asasnya adalah atas segala hikmah dan kebaikan untuk manusia di dunia dan akhirat. Syariah Islam itu segalanya keadilan, kebaikan dan hikmah. Maka setiap perkara yang terkeluar dari keadilan kepada kezaliman, dari rahmat kepada yang berlawanan dengannya, dari kebaikan kepada kerosakan, dari hikmah kepada sia-sia maka ianya bukan Syariah Islam sekalipun diberikan takwilan untuknya".

Penubuhan BPS ini juga adalah merupakan tanggungjawab pemerintah. Berasaskan kaedah (*Tasarruf al-Imam ala al-Ra'iyah Manutun bi al-Maslahah*) yang membawa maksud 'tindakan pemerintah yang bertanggung jawab mestilah didasarkan kepada *maslahah* rakyat', pemerintah boleh mengambil pendekatan untuk menggubal undang-undang termasuk menubuhkan sebuah badan professional. Dalam hal ini, pendekatan untuk menubuhkan Badan Peguam Syarie adalah menepati konsep *maslahah* ini. Selain itu, pewujudan BPS ini akan menjadikan Peguam Syarie sebuah badan yang lebih Profesional dan menepati kehendak dan situasi semasa serta dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul dan seterusnya mengelakkan *mafsadah*. Selain itu, pewujudan BPS yang dicadangkan ini adalah mengambil kira permasalahan yang berlaku berikutan ketiadaan satu badan profesional khas yang menguruskan Peguam Syarie di Malaysia. Dalam konteks ini, BPS adalah bertujuan untuk menjaga *maslahah* Peguam Syarie di Malaysia termasuk semua pemegang taruh seperti Mahkamah Syariah, klien dan masyarakat umum.

Penubuhan BPS pastinya menepati hukum syarak dan selari dengan *Maqasid al-Syari'ah*. Ini kerana BPS dengan kuasa dan autoriti yang diberikan akan dapat menyelesaikan banyak perkara berbangkit berkaitan perundangan Syariah yang akhirnya boleh membawa kepada matlamat penjagaan lima *Maqasid* iaitu penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Menerusi sebuah badan profesional khusus bagi Peguam Syarie, pelbagai inisiatif dan penambahbaikan dari sudut pentadbiran dan pengurusan boleh dilaksanakan secara strategik. Peranan yang akan dimainkan oleh BPS ini juga dekat dengan mengangkat prinsip *maslahah* dan mengelakkan *mafsadah*.

## **KESIMPULAN**

Sememangnya tidak dapat dinafikan usaha ke arah penubuhan BPS ini bukanlah sesuatu yang mudah tetapi ia tidak mustahil untuk direalisasikan. Isu dan cabaran ini merangkumi aspek perlembagaan dan perundangan yang lain termasuk kemahuan politik. Penggubalan sesuatu akta di peringkat persekutuan juga memakan masa yang panjang dan memerlukan kerjasama daripada negeri-negeri. Pasti terdapat kesukaran untuk mendapatkan persetujuan negeri-negeri bagi maksud penyelarasan ke arah penubuhan BPS di peringkat persekutuan.

Umumnya, terdapat dua pendekatan untuk menubuhkan BPS iaitu mewujudkan Badan Peguam Syariah Malaysia menerusi Akta Profesion Guaman Syariah yang diluluskan di peringkat Persekutuan atau menubuhkan Badan Peguam Syariah Negeri dengan negeri-negeri meluluskan Enakmen Profesion Guaman Syariah masing-masing. Penulis berpandangan sekiranya ruh penubuhan BPS itu adalah bersifat pemusatan pentadbiran secara menyeluruh maka pendekatan menerusi APGS dalam kerangka Artikel 76 (1) adalah yang terbaik. Oleh itu, usaha-usaha untuk mendapatkan persetujuan negeri-negeri perlu dilaksanakan dengan efisien dan berhikmah. Ini boleh dimulakan dengan negeri yang bersifat terbuka dan majoriti besar rakyatnya adalah Muslim seperti Melaka, Kelantan, Terengganu, Pahang dan lain-lain.

Namun, tidak dapat dinafikan terdapat isu dan cabaran bagi merealisasikan penubuhan Badan Peguam Syariah. Penggubalan APGS juga akan menyebabkan peralihan kuasa mentadbir jawatankuasa di peringkat negeri kepada jawatankuasa tunggal di peringkat persekutuan. Amalan sedia ada memberikan kuasa kepada jawatankuasa Peguam Syariah berdasarkan kaedah-kaedah Peguam Syariah negeri untuk mengawal selia dan mentadbir Peguam Syariah. APGS sebaliknya akan memberikan kuasa kepada BPS untuk melaksanakan tugas jawatankuasa Peguam Syariah. Tugas penyeliaan Peguam Syariah yang berbeza bagi setiap negeri akan berubah kepada satu badan khas di peringkat persekutuan. Bukan itu sahaja, penyelarasan dari aspek yuran dan bayaran lain pastinya akan memberikan implikasi kepada sumber hasil negeri. Ini walaubagaimanapun tidak akan menjadi isu besar kerana perkara ini boleh diselesaikan menerusi perbincangan secara berhikmah dengan negeri-negeri.

Penubuhan BPS akan dapat menyelesaikan banyak isu dan permasalahan berbangkit berkaitan profesion Peguam Syariah di Malaysia. Bukan itu sahaja, BPS ini diharapkan boleh juga mengangkat martabat profesion Peguam Syariah menerusi wujudnya sebuah badan professional yang setara dengan Peguam Sivil. Seiring dengan hasrat untuk memartabatkan dan memperkasakan sistem undang-undang Syariah di Malaysia, penubuhan BPS akan menjadi salah satu daripada inisiatif ke arah mewujudkan pentadbiran dan pengurusan Peguam Syariah yang lebih efisien. Sekiranya BPS ini ditubuhkan, ia juga akan menjadikan Malaysia sebagai negara Islam yang terkehadapan dalam mewujudkan badan Professional bagi peguam yang beramal di Mahkamah Syariah. Kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat badan profesional khusus yang mengawal selia Peguam Syariah di negara-negara lain.

Idea BPS ini juga seiring dengan keperluan yang ada pada dunia guaman Syariah hari ini. Peranan Peguam Syariah semakin hari semakin mencabar dan kes-kes yang dikendalikan juga adalah semakin rumit dan meningkat. Dengan wujudnya sebuah badan profesional adalah diharapkan guaman Syariah diterima sebagai sebahagian dari keseluruhan sebagai sistem perundangan negara. Penubuhan Badan Peguam Syariah sendiri atau mengambil langkah penyelesaian jangka panjang seperti di atas akan membantu memartabatkan profesion Guaman Syariah dan menjaga kebajikan para Peguam Syariah di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hamid Mohamed. (2014). *Pelaksanaan Hudud Di Brunei: Perbezaan Di Antara Brunei Dan Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Wacana Intelektual MPM-YADIM.
- Abdul Monir Yaacob. (2015). *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. UIM. 2015.
- Ahmad Ibrahim dan Mahmud Saedon, (1993). *Judges and Lawyers under the Shari'ah*, dalam Aidit Ghazali (ed), *Islam and Justice*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Ahmad Nizam Abbas. (2012). The Islamic Legal System in Singapore, *Pacific Rim Law and Policy Journal*, 21 (1): 163-187.

- Amanda Whiting. (2012). The Training, Appointment, And Supervision Islamic Lawyers In The Federal Territories Of Malaysia, *Pacific Rim Law & Policy Journal*. Jan 2012, Vol. 21 Issue 1, 133-161.
- Arifin Zakaria. (2011). *Prospek Kepeguaman Islam Dalam Sistem Perundangan Dan Kehakiman Sivil Di Malaysia*, Konvensyen Peguam Syarie Seluruh Malaysia.
- Baharuddeen Abu Bakar. (1995). *Amalan Undang-undang Dalam Mahkamah Syariah*, dalam Abdul Monir Yaacob (ed), *Undang-undang Keterangan dan Prosedur Mahkamah*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Brian Green. (2015). *Understanding the Value of Professionals and Professional Bodies*. CIOB: United Kingdom.
- Farid Sufian Shuaib, Tajul Aris Ahmad Bustami dan Mohd Hisham Mohd Kamal. (2006). *Administration of Islamic Law in Malaysia: Text and Material*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.
- Hilmi Halim dan Mursyid Junaidi. (2015, Jun 23), *Syor Tubuh Badan Profesional Perkasa Peguam Syarie*, Berita Harian.
- JAKIM. (2017). *Indeks Syariah Malaysia*. JAKIM: Wilayah Persekutuan.
- Jasri Jamal. (2005). *Isu Perlantikan dan Etika Peguam Syarie. Kaedah Perundangan Bidangkuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Dawama Sdn Bhd.
- Md Zawawi Abu Bakar: *Isu-Isu Peguam Syarie di Malaysia*. Jurnal Syariah, 11 (2): 109-133.
- Mohamed Azam Mohamed Adil, (1996). *Peguam Syarie, Masa Depan dan Cabaran di Malaysia*, 8 (1) KANUN 1.
- Mohd Isa Abdul Ralip. (2014). *Peguam Syarie: Pengamalan di Malaysia*.
- Mohd Khuzairi I Ismail. (2011, 2 Julai). *Akta Guaman Syarie Disegerakan*. Utusan Malaysia Online.
- Mohd Naim Mokhtar dan Noor Inayah Yaakub, (1999), *Syarie Lawyers in Malaysia: Now and the Future*. 12<sup>th</sup> Commonwealth Conference: Law Society in the 21<sup>st</sup> Century, Kuala Lumpur, 13-16 September 1999.
- Musa Awang. (2017) *Peguam Syarie di Malaysia: Realiti Semasa & Prospek Ke Arah Penggubalan Profesion Peguam Syarie*, Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah 2017-60 Tahun Pasca Kemerdekaan: 'Menelusuri Cabaran, Melestari Masa Hadapan' 29 Ogos 2017.
- Musa Awang. (2014). *PGSM Gesa Kuasa Mahkamah Syariah Diperluas*. Sinar Harian. 3 April 2014.
- Muhammad Burok. (2007). *Isu dan Permasalahan Guaman Syarie Ke Arah Penubuhan Majlis Peguam Syarie. Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie di Malaysia*. USIM. Cetakan Pertama 2007.
- PGSM. (2014). *Pandangan Undang-Undang Berhubung Dengan Punca Kuasa Bagi Penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Guaman Syarie*. Kuala Lumpur: PGSM.
- Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader. (1995). *How to Become Syarie Lawyer*, 1 CLJ cxlix.
- Utusan Malaysia. (2003, 31 Mei). *Majlis Peguam Syarie Tingkat Imej Profesion*, Utusan Malaysia Online.
- Zulkifli Hasan. (2008). Ethical Principles of Lawyers in Islam, *Shariah Law Report*, 4.